PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2009

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.5% pada suku keempat (S3 09: -1.2%) disokong terutamanya oleh permintaan dalam dan luar negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi adalah hasil daripada penggunaan swasta yang mapan dan perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang lebih pesat pada suku tersebut juga telah mendorong pertumbuhan ekonomi negara. Sementara itu, prestasi eksport Malaysia yang lebih baik adalah ekoran peningkatan dalam permintaan luar negeri, khususnya dari ekonomi serantau, dan harga komoditi yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif, kecuali sektor perlombongan. Bagi tahun 2009 keseluruhannya, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7% (2008: +4.6%).

Pertumbuhan positif pada suku keempat
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku keempat, permintaan dalam negeri meningkat 3% (S3 09: 0.4%) ekoran pertumbuhan penggunaan swasta yang mapan serta perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Perbelanjaan penggunaan swasta yang berkembang sebanyak 1.7% (S3 09: 1.5%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih baik, kadar inflasi yang rendah dan perbelanjaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan akhir tahun berikutan sentimen pengguna yang bertambah baik. Sektor awam terus menyumbang kepada pertumbuhan melalui peningkatan sebanyak 1.3% dalam perbelanjaan penggunaan awam, disokong oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Berikutan pelaksanaan langkah rangsangan yang dipercepat pada suku keempat, perbelanjaan modal sektor awam juga terus meningkat. Sejumlah besar perbelanjaan pembangunan disalurkan ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, kemudahan awam, pendidikan dan pengangkutan. Meskipun perbelanjaan modal swasta masih rendah, terdapat tanda-tanda penstabilan ekoran sentimen perniagaan yang bertambah baik. Hasilnya, pembentukan modal tetap kasar kembali pulih dan meningkat 8.2% pada suku keempat (S3 09: -7.9%).

Dari segi penawaran, prestasi kesemua sektor ekonomi adalah lebih baik pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih tinggi pada 5.1% (S3 09: 3.4%), didorong terutamanya oleh prestasi kukuh subsektor kewangan dan insurans, perdagangan borong dan runcit, serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sektor perkilangan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.3% pada suku tersebut (S3 09: -8.6%), mencerminkan peningkatan dalam permintaan luar dan dalam negeri. Sementara itu, sektor pembinaan terus berkembang pada kadar 9.2% (S3 09: 7.9%), disokong terutamanya oleh pelaksanaan seterusnya projek di bawah pakej rangsangan. Pertumbuhan sektor pertanian pula sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan dalam hasil pengeluaran tanaman industri, manakala sektor perlombongan menguncup pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun dengan lebih sederhana pada kadar tahunan 0.2% pada suku keempat (S3 09: -2.3%). Kejatuhan harga pengguna sebahagian besarnya disebabkan oleh semakin luputnya kesan kumulatif pelarasan menurun harga runcit bahan api pada separuh kedua 2008.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan kekal tinggi pada RM32.4 bilion berikutan pertumbuhan eksport dan import kasar yang kembali positif. Eksport kasar mencatat pertumbuhan 5.1% pada suku keempat ekoran permintaan luar negeri yang lebih tinggi, khususnya dari rantau ini, dan harga komoditi yang lebih kukuh. Import kasar pula meningkat 6.7% disebabkan oleh pengeluaran perkilangan yang lebih tinggi dan aktiviti permintaan dalam negeri yang bertambah baik.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)[1] meningkat kepada RM7.2 bilion pada suku keempat 2009 (S3 09: RM6.7 bilion). Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh bayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih kekal menggalakkan pada RM2.5 bilion (S3 09: RM2.6 bilion). Sejumlah besar FDI disalurkan ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan langsung bersih syarikat Malaysia ke luar negara berjumlah RM4.8 bilion (S3 09: -RM4.9 bilion) dan kebanyakannya disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion pada suku tersebut (S3 09: +RM9.3 bilion) kerana pembelian bersih aset asing oleh pemastautin telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih bukan pemastautin. Pelabur asing terus menambah pemegangan instrumen hutang Malaysia berikutan tanda-tanda pemulihan yang semakin jelas dalam ekonomi global dan serantau. Aliran portfolio terus tidak menentu pada dua bulan pertama 2010, mencerminkan sentimen pelabur antarabangsa yang berubah-ubah.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM331.3 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009. Rizab naik sedikit kepada RM332.1 bilion (bersamaan dengan USD96.9 bilion) pada 12 Februari 2010. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.00% pada suku keempat. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada suku tersebut. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah berbanding dengan suku sebelumnya, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada kadar terendah dalam sejarah iaitu 4.83% pada bulan Disember 2009.

Pembiayaan kepada sektor perniagaan dan isi rumah berkembang dengan nyata pada suku keempat ekoran prestasi ekonomi yang lebih baik serta persekitaran kadar faedah yang rendah. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM216 bilion pada suku tersebut (S3 09: RM180.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat 8.5% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September 2009: 7.2%).

Pada suku keempat, dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal berjumlah RM29.6 bilion

[1] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

(S3 09: RM23.4 bilion). Daripada jumlah tersebut, 81% diperoleh sektor swasta. Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM16.4 bilion (S3 09: RM13.5 bilion), manakala dana daripada pasaran ekuiti pula sebanyak RM13.2 bilion pada suku tersebut (S3 09: RM1.2 bilion) ekoran tawaran awam awal yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi utama pada bulan November 2009. Sementara itu, sektor awam memperoleh dana bersih sebanyak RM5.6 bilion.

Agregat monetari mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih pantas pada suku terakhir 2009 sejajar dengan aktiviti ekonomi yang bertambah giat. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 9.1% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September 2009: 6.8%).

Pada suku keempat, ringgit menambah nilai sebanyak 1.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan tanda-tanda pemulihan yang semakin jelas dalam ekonomi global dan serantau telah merangsang sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (4.4%), euro (3.3%) dan paun sterling (1.2%). Penyusutan nilai yen Jepun berbanding dengan kebanyakan mata wang disebabkan oleh jangkaan pasaran bahawa yen yang lebih lemah akan menyokong pemulihan ekonomi negara itu. Euro turut mengalami penyusutan nilai ekoran kebimbangan mengenai isu hutang Kerajaan di beberapa buah negara EU. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.4%), baht Thai (0.9%), dolar Singapura (0.7%) dan won Korea (0.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-1.5%) dan peso Filipina (-1.2%). Pada tempoh 1 Januari hingga 22 Februari 2010, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), euro (6.1%) dan paun sterling (4.5%), tetapi kekal stabil berbanding dengan yen Jepun. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (1.1%), renminbi China (0.8%), peso Filipina (0.7%) dan baht Thai (0.2%), namun menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-0.8%) dan rupiah Indonesia (-0.3%).

Sektor kewangan terus berdaya tahan

Sektor kewangan terus berdaya tahan seperti ditunjukkan oleh permodalan yang kukuh, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) yang bertambah baik dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Sektor perbankan, insurans dan takaful mencatat keberuntungan yang lebih baik pada suku keempat 2009, lantas membolehkan sektor kewangan terus menyokong aktiviti pembiayaan dan penyediaan perkhidmatan kewangan yang diperlukan kepada ekonomi.

Pada akhir bulan Disember 2009, nisbah modal wajaran risiko sistem perbankan ialah 14.7%, manakala nisbah modal teras pada 13.1%. Jumlah modal yang melebihi keperluan kawal selia minimum kekal pada paras melebihi RM50 bilion. Kualiti pinjaman terus bertambah baik dengan trend penurunan NPL yang berterusan. Nisbah NPL bersih menurun kepada 1.8% pada akhir suku keempat, dengan perlindungan kerugian pinjaman pada 95.2%. Sistem perbankan menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion pada suku tersebut, hasil daripada pendapatan berasaskan fi dan keuntungan pelaburan yang lebih tinggi.

Nisbah Kecukupan Modal industri insurans terus kukuh pada 230.3% (S3 09: 214.7%). Keberuntungan keseluruhan sektor insurans dan takaful meningkat kepada RM3.7 bilion (S4 08: RM1.7 bilion) didorong terutamanya oleh prestasi pasaran ekuiti dan keadaan perniagaan yang lebih menggalakkan.

Pemulihan ekonomi dalam negeri dijangka lebih pesat pada masa akan datang

Pemulihan ekonomi global menjadi bertambah baik pada suku keempat 2009. Ekonomi maju mencatat pertumbuhan yang beransur-ansur hasil daripada langkah-langkah dasar yang dilaksanakan, sementara ekonomi serantau mencatat pemulihan yang lebih kukuh disokong oleh permintaan dalam negeri yang menggalakkan serta perdagangan dalam rantau ini yang lebih tinggi. Trend positif ini dijangka berterusan sehingga tahun 2010 meskipun pemulihan global dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata. Prospek pertumbuhan global yang mapan amat bergantung pada pemulihan dalam permintaan sektor swasta, khususnya apabila kesan daripada langkah dasar mula berkurang.

Ekonomi Malaysia telah pulih daripada krisis global dan kembali mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat. Melangkah ke hadapan, prestasi lebih baik yang dicapai pada separuh kedua 2009 dijangka menjadi lebih kukuh pada tahun 2010. Permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan penggunaan swasta, dijangka lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang stabil, keyakinan pengguna dan sektor perniagaan yang lebih baik serta akses kepada pembiayaan yang berterusan. Permintaan luar negeri yang terus meningkat berikutan pemulihan ekonomi global yang beransur-ansur juga dijangka terus merangsang ekonomi dalam negeri.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2009

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pemulihan ekonomi global kian meluas tetapi masih tidak sekata

Pemulihan ekonomi global menjadi lebih baik pada suku keempat 2009. Meskipun pemulihan dalam kebanyakan ekonomi kian nyata, kadar pemulihan berbeza-beza antara rantau yang berlainan. Pertumbuhan ekonomi maju meningkat secara beransur-ansur, manakala pemulihan ekonomi serantau secara relatif lebih kukuh memandangkan permintaan dalam negeri diperkukuh oleh peningkatan yang amat memberangsangkan dalam perdagangan serantau. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa terus bertambah baik kerana dasar monetari yang akomodatif dan usaha mencari kadar pulangan yang wajar telah menggalakkan para pelabur untuk kembali ke dalam pasaran. Ini sedikit sebanyak menyebabkan aliran masuk modal yang lebih besar ke rantau Asia, lantas menimbulkan cabaran kepada cara pengendalian dasar monetari, sekiranya perkembangan tersebut mengakibatkan inflasi harga aset.

Di **Amerika Syarikat** (AS), KDNK benar berkembang buat suku kedua berturut-turut pada kadar tahunan 5.7% pada suku keempat (S3 09: 2.2%). Ini merupakan pertumbuhan suku tahunan terbesar dalam tempoh enam tahun. Lebih separuh daripada pertumbuhan ketara dalam KDNK disebabkan oleh ambilan inventori swasta yang lebih rendah, selain dibantu oleh pemulihan dalam pelaburan tetap bukan kediaman dan eksport bersih. Pelaburan tetap bukan kediaman mencatat pertumbuhan yang nyata terutamanya hasil kenaikan 13.3% (S3 09: 1.5%) dalam pelaburan perniagaan dalam peralatan dan perisian. Sumbangan eksport bersih pula disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan import yang lebih sederhana kepada 10.5% (S3 09: 21.3%). Sementara itu, perbelanjaan penggunaan swasta benar mencatat kenaikan lebih sederhana sebanyak 2% (S3 09: 2.8%) disebabkan berkurangnya pembelian kenderaan bermotor memandangkan pengguna telah pun membuat pembelian berkenaan pada suku ketiga semasa program 'cash-for-clunkers'. Dari segi inflasi, trend harga pengguna bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan positif 1.4% pada suku keempat (S3 09: -1.6%), berikutan harga tenaga yang lebih tinggi.

Di **Jepun**, KDNK benar berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat iaitu 4.6% pada suku keempat (S3 09: 0%), disebabkan oleh peningkatan berterusan dalam penggunaan swasta dan eksport bersih. Permintaan yang lebih tinggi dari Asia, khususnya RR China, telah menyebabkan eksport menguncup pada kadar yang lebih kecil iaitu 5.8% (S3 09: -34.4%). Perkembangan ini turut dicerminkan oleh kadar kejatuhan pengeluaran perindustrian yang lebih perlahan pada 4.7% (S3 09: -20%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran peralatan pengangkutan dan jentera am. Penggunaan swasta pula terus bertambah baik disokong oleh langkah dasar. Meskipun kadar pengangguran menurun kepada 5.1% pada suku keempat (S3 09: 5.5%), sentimen terus lemah kerana pengguna masih bimbang mengenai pendapatan yang makin menurun dan jaminan pekerjaan. Dari segi inflasi, tekanan deflasi menjadi sederhana kerana harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) jatuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.7% (S3 09: -2.3%), disebabkan oleh kenaikan harga tenaga.

Kawasan euro mencatat pertumbuhan yang kecil sebanyak 0.1% pada suku keempat berbanding dengan suku sebelumnya (S3 09: 0.4%), terutamanya berikutan langkah rangsangan kerajaan dan peningkatan dalam permintaan luar negeri. Perancis menerajui peningkatan dalam rantau ini dengan pertumbuhan 0.6%, manakala aktiviti ekonomi di Jerman pula tidak berubah pada suku tersebut. Pada asas tahunan, kawasan euro mencatat penguncupan lebih kecil iaitu 2.1% pada suku tersebut. Penunjuk pengeluaran

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	-5.4	0.4	2.2	5.7[a]	-2.4	Pertumbuhan disokong oleh pengurangan inventori yang lebih kecil, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam import dan pertumbuhan dalam pelaburan tetap bukan kediaman.
Jepun[1]	-11.4	-1.2	0.0[d]	4.6[p]	-5.0	Disokong oleh penambahbaikan dalam penggunaan swasta dan eksport bersih.
Kawasan euro	-1.8	0.6	-4.0	-2.1[p]	-4.0	Penguncupan yang lebih perlahan di kebanyakan ekonomi kawasan euro.
UK	-2.1	0.5	-5.1[d]	-3.2[p]	-4.8	Pertumbuhan disokong oleh sektor pengeluaran dan sektor perkhidmatan.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

bagi kawasan euro menunjukkan peningkatan hasil manfaat daripada dorongan fiskal untuk menggalakkan penggunaan khususnya dalam sektor automobil. Ini diperkukuh lagi oleh pemulihan dalam eksport, terutamanya perdagangan dalam kawasan EU serta permintaan dari Asia. Dari segi inflasi, trend harga pengguna bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan positif 0.4% pada suku keempat (S3 09: -0.4%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga tenaga.

Ekonomi **UK** merupakan antara ekonomi utama yang terakhir pulih daripada kemelesetan, apabila KDNK benarnya buat kali pertamanya mencatat pertumbuhan 0.1% pada suku keempat berbanding dengan suku sebelumnya (S3 09: -0.2%). Pada asas tahunan, ekonomi UK menguncup dengan lebih sederhana pada kadar 3.2% (S3 09: -5.1%). Perkembangan yang lebih baik ini didorong oleh sektor perkilangan serta sektor perkhidmatan, khususnya *hotel & restoran* dan *kerajaan & perkhidmatan lain*. Sementara itu, inflasi meningkat kepada 2.1% pada suku keempat (S3 09: 1.4%) disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga tenaga yang amat rendah pada akhir tahun 2008.

Berlatarkan keadaan pasaran kewangan yang semakin pulih ketika terdapat pemulihan ekonomi yang beransur-ansur, lebih banyak bank pusat ekonomi maju mula mengumumkan rancangan untuk memansuhkan langkah sokongan kuantitatif yang diperkenalkan semasa berlakunya krisis. Di **AS**, meskipun kadar *federal funds* kekal pada 0 – 0.25%, **Fed** mengulangi pendirian yang diumumkan pada bulan Jun 2009 untuk menamatkan beberapa langkah kewangannya mulai 1 Februari 2010. Ini termasuk *Commercial Paper Funding Facility, Primary Dealer Credit Facility* dan *Term Securities Lending Facility*. Selain itu, pengaturan swap mudah tunai sementara antara Federal Reserve dengan bank-bank pusat lain tamat pada 1 Februari 2010. Pada 19 Februari, Fed menaikkan kadar diskaunnya sebanyak 25 mata asas kepada 0.75% dalam usaha untuk memulihkan kemudahan pemberian pinjaman. Di samping itu, Fed juga bercadang untuk menyempurnakan pembelian sekuriti bersandarkan gadai janji agensi bernilai USD1.25 trilion dan hutang agensi sebanyak USD175 bilion menjelang suku pertama 2010. Sementara itu tarikh akhir bagi *Term Asset-Backed Securities Loan Facility* kekal pada 31 Mac 2010 bagi pinjaman yang disandarkan kepada semua jenis cagaran kecuali sekuriti bersandarkan gadai janji perdagangan terbitan baharu yang akan tamat pada 30 Jun 2010. Di kawasan euro, **European Central Bank** mengumumkan butir-butir penarikan balik peruntukan mudah tunainya. Kadar tetap yang ditawarkan bagi pinjaman tidak terhad 12 bulan kepada bank perdagangan tamat

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	6.8	9.6	9.1[r]	10.7	8.7	Disokong oleh program rangsangan fiskal yang berterusan.
China Taipei	-7.1	0.7[r]	-1.0[r]	9.2	-1.9	Disokong oleh eksport dan pengunaan swasta.
Korea	-3.4	2.2	0.9	6.0[p]	0.2	Disokong oleh pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan eksport yang lebih kukuh serta peningkatan semula aktiviti pelaburan.
Thailand	-4.2	2.5	-2.7	5.8	-2.3	Disokong oleh pertumbuhan eksport, penggunaan swasta dan perbelanjaan Kerajaan yang lebih kukuh.
Indonesia	5.2	6.1	4.2	5.4	4.5	Disokong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan Kerajaan.
Singapura	-4.2	1.4	0.6[r]	4.0	-2.0	Disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam sektor perkhidmatan.
Filipina	2.9	3.8	0.4[r]	1.8	0.9	Disokong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan Kerajaan.

[r] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

pada 16 Disember 2009, manakala pinjaman 6 bulan akan tamat pada 31 Mac 2010. Selain itu, pembelian bon perlindungan bernilai €60 bilion dijangka berakhir pada bulan Jun 2010. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko yang membimbangkan di UK dan Jepun. **Bank of England** menambah pembelian bon aset dan korporatnya buat kali ketiga pada bulan November sebanyak £25 bilion lagi lalu menjadikan jumlah keseluruhan kepada £200 bilion. Walau bagaimanapun, bank pusat tersebut menghentikan program ini pada awal bulan Februari 2010 untuk memantau kesan pembelian terdahulu ke atas ekonomi. Sementara itu, **Bank of Japan** memperkenalkan program kredit ¥10 trilion pada bulan Disember untuk menambah mudah tunai bank perdagangan dan melegakan tekanan deflasi.

Pada suku keempat, harga **minyak mentah**[2] meningkat kepada USD80 setong, iaitu paras tertinggi dalam tempoh 12 bulan berikutan kenaikan mendadak sebanyak hampir USD10 pada tiga minggu pertama bulan Oktober. Kenaikan harga minyak mentah disebabkan terutamanya oleh keyakinan bahawa pemulihan dalam permintaan global akan berterusan. Pada suku keempat, harga minyak mentah purata adalah sekitar USD76 setong (S3 09: USD68 setong). Pada akhir tahun 2009, minyak mentah didagangkan pada USD79 setong atau kenaikan sebanyak 78% (2008: -54%) daripada paras pada akhir tahun 2008. Sementara itu, trend menaik harga minyak berterusan pada awal tahun 2010 hingga mencecah harga tertinggi dalam masa 15 bulan iaitu USD83 setong pada 6 Januari 2010.

Di **rantau Asia**, momentum pertumbuhan suku ketiga berterusan hingga suku keempat, dengan kebanyakan ekonomi rantau ini mencatat pertumbuhan yang lebih cepat. Meskipun dorongan utama pertumbuhan adalah daripada kenaikan yang mapan dalam penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan yang semakin giat, pertumbuhan turut diperkuat oleh pemulihan eksport berikutan perdagangan dalam rantau yang bertumpu kepada RR China serta pemulihan dalam permintaan dari ekonomi maju. RR China menerajui pertumbuhan serantau dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 10.7% (S3 09: 9.1%). Ini merupakan pengembangan terpantas sejak suku pertama 2008 disokong oleh program rangsangan fiskal yang sedang berjalan. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di China Taipei, Korea, Thailand, Indonesia, Singapura dan Filipina terus berkembang pada kadar yang lebih kukuh pada suku keempat. Memandangkan tekanan inflasi

[2] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

masih sederhana, bank pusat di rantau ini mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif bagi memastikan pemulihan ekonomi berterusan. Namun, bagi beberapa ekonomi yang mengalami kenaikan harga aset yang mendadak, pihak berkuasa kewangannya mengambil langkah untuk menyekat kemungkinan berlakunya pembentukan gelembung aset, sama ada melalui langkah pentadbiran untuk mengekang spekulasi dalam pasaran harta tanah atau mengenakan sekatan terhadap aliran modal jangka pendek.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kebanyakan mata wang utama menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada dua bulan pertama suku keempat ekoran kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko yang lebih tinggi dan keadaan pasaran kewangan global yang lebih baik. Walau bagaimanapun, trend ini berubah haluan pada bulan Disember berikutan penyusutan nilai kebanyakan mata wang utama berbanding dengan dolar AS ekoran jangkaan kenaikan awal kadar faedah AS memandangkan data AS adalah lebih kukuh daripada yang dijangkakan. Di samping itu, euro dan paun sterling turut terjejas oleh kebimbangan mengenai prospek hutang kerajaan dan penarafan berdaulat di UK dan beberapa bahagian Eropah. Yen Jepun juga menyusut nilai lantaran reaksi pelabur terhadap keputusan Bank of Japan untuk menyuntik pinjaman kecemasan sebanyak ¥10 trilion ke dalam sistem kewangan bagi menangani deflasi. Sementara itu, kebanyakan mata wang di rantau Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat ekoran keyakinan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi rantau ini.

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka berterusan sehingga tahun 2010, disokong oleh pelaksanaan langkah rangsangan yang berterusan. Namun, prospek pertumbuhan yang mapan amat bergantung pada pemulihan dalam permintaan sektor swasta, khususnya dalam ekonomi maju yang menghadapi beberapa isu struktur dari segi kadar pengangguran yang tinggi, sektor kewangan yang mudah terjejas dan keadaan fiskal yang lebih lemah. Namun begitu, ekonomi sedang pesat membangun, khususnya Asia, dijangka mempunyai prospek pertumbuhan yang lebih cerah memandangkan permintaan dalam negeri semakin kukuh dan sektor kewangan pula lebih teguh.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan kembali pulih pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku keempat (S3 09: -1.2%), disokong terutamanya oleh permintaan dalam dan luar negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi adalah hasil daripada penggunaan swasta yang mapan dan perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang lebih pesat pada suku tersebut juga telah mendorong pertumbuhan. Sementara itu, prestasi eksport Malaysia yang lebih baik adalah ekoran peningkatan dalam permintaan luar negeri, khususnya dari ekonomi serantau, selain harga komoditi yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik. Bagi tahun 2009 keseluruhannya, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7% (2008: +4.6%).

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh

Pada suku keempat, **permintaan dalam negeri** meningkat 3% (S3 09: 0.4%) ekoran penggunaan swasta dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Sementara itu, perbelanjaan modal swasta masih lagi rendah meskipun sentimen perniagaan bertambah baik.

Penggunaan swasta mengembang 1.7% (S3 09: 1.5%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dan kadar inflasi yang rendah. Perbelanjaan pengguna menjadi lebih giat hasil daripada pelbagai promosi yang diadakan sempena musim perayaan dan cuti persekolahan yang panjang pada bulan Disember. Penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, perbelanjaan kad kredit, pinjaman bank kepada sektor isi rumah dan jualan kereta penumpang baharu yang bertambah baik menunjukkan kenaikan dalam perbelanjaan pengguna. Di samping itu, keyakinan pengguna juga kian positif seperti dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang terus meningkat kepada 109.6 mata pada suku keempat (S3 09: 105.4 mata).

Penggunaan awam pula berkembang dengan lebih sederhana pada 1.3%, disokong oleh perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	2.8	6.8	0.4	3.0	-0.4
Penggunaan	7.1	9.0	3.3	1.6	1.4
Sektor swasta	*5.3*	*8.5*	*1.5*	*1.7*	*0.8*
Sektor awam	*12.7*	*10.9*	*10.9*	*1.3*	*3.7*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-10.2	0.8	-7.9	8.2	-5.5
Eksport Bersih	-39.5	-3.5	-16.9	11.4	8.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-13.3*	*1.3*	*-13.4*	*7.3*	*-10.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-10.2*	*1.9*	*-12.9*	*6.9*	*-12.5*
KDNK	**0.1**	**4.6**	**-1.2**	**4.5**	**-1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan dan pengguna bertambah baik



Sumber: MIER

8.2% (S3 09: -7.9%), terutamanya disebabkan oleh perkembangan pesat dalam perbelanjaan modal sektor awam sejajar dengan pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang lebih giat. Sejumlah besar daripada perbelanjaan pembangunan terus disalurkan ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, kemudahan awam, serta pendidikan dan pengangkutan. Meskipun perbelanjaan modal sektor swasta masih rendah, terdapat tanda-tanda kestabilan seperti dicerminkan dalam penunjuk pelaburan utama. Pada suku tersebut, terdapat peningkatan ketara dalam penunjuk tersebut seperti import barangan modal, jualan kenderaan perdagangan, pengeluaran produk berkaitan pembinaan dan pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan. Selain itu, Indeks Keadaan Perniagaan MIER meningkat lagi kepada 118.8 mata pada suku keempat (S3 09: 113.7 mata).

Prestasi yang lebih baik bagi semua sektor

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah menyeluruh dengan hampir kesemua subsektornya mencatat pertumbuhan lebih tinggi. Sektor perkilangan pula kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif hasil daripada permintaan luar dan dalam negeri yang lebih baik. Sektor pembinaan terus berkembang disokong terutamanya oleh pelaksanaan selanjutnya projek di bawah pakej rangsangan. Pertumbuhan sektor pertanian juga positif, sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan dalam hasil pengeluaran tanaman industri, manakala sektor perlombongan menguncup pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	0.5	4.0	-0.5	6.0	0.4
Perlombongan	-5.7	-0.8	-3.5	-2.8	-3.8
Perkilangan	-8.8	1.3	-8.6	5.3	-9.3
Pembinaan	-1.6	2.1	7.9	9.2	5.7
Perkhidmatan	5.7	7.2	3.4	5.1	2.6
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**0.1**	**4.6**	**-1.2**	**4.5**	**-1.7**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-3.4**	**4.6**	**5.7**	**2.2**	**-1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor perkhidmatan kukuh

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** menjadi lebih kukuh kepada 5.1% (S3 09: 3.4%), dengan hampir kesemua subsektor di dalamnya mencatat kadar pertumbuhan yang lebih tinggi. Ini didorong oleh keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang lebih baik. Sektor perkhidmatan terus merupakan penyumbang paling utama, dengan sumbangan sebanyak 2.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **kewangan dan insurans** berkembang dengan kukuh pada 9.8% (S3 09: 3.5%), diterajui oleh pengembangan berterusan dalam pemberian pinjaman bank dan kenaikan nyata dalam pendapatan berasaskan fi. Segmen insurans juga menyokong pertumbuhan seperti dicerminkan oleh pendapatan premium yang lebih tinggi. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** juga mencatat pertumbuhan yang teguh iaitu 7% (S3 09: 4.9%), disokong oleh aktiviti berkaitan pasaran modal yang lebih aktif dan urus niaga harta tanah yang ketara lebih tinggi pada suku tersebut.

Sebagai mencerminkan sentimen pengguna yang lebih positif dan jualan akhir tahun, subsektor **perdagangan borong dan runcit** mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 3.3% (S3 09: 2.2%). Paling ketara ialah jumlah

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2008 (%)	2008		2009		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.3**	**2.6**	**6.0**	**3.1**	**7.6**	**3.0**
Kewangan & insurans	20.0	3.5	7.7	3.5	9.8	4.4
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	-0.6	1.5	4.9	7.0	2.1
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	1.0	6.1	-3.5	2.6	-2.8
Komunikasi	7.0	6.3	7.3	6.1	7.1	6.0
Perkhidmatan Akhir	**56.7**	**7.9**	**8.3**	**3.7**	**3.4**	**2.2**
Utiliti	5.3	-2.6	2.1	1.7	9.4	0.4
Perdagangan borong & runcit	23.2	5.9	9.8	2.2	3.3	1.2
Penginapan & restoran	4.4	7.4	7.3	3.8	2.2	2.7
Perkhidmatan Kerajaan	13.4	18.2	11.1	7.4	1.3	3.0
Perkhidmatan lain	10.4	5.3	5.2	3.8	3.9	4.4
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**5.7**	**7.2**	**3.4**	**5.1**	**2.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2008	2009			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	71.4	78.9	105.8	105.4	109.6
Indeks Perdagangan Runcit MIER	52.7	52.3	76.3	100.7	111.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	94.0	78.1	75.8	88.7	114.1
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	7.5	2.2	4.7	12.4	9.5
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	2.1	-4.6	5.2	10.4	15.8
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	8.9	8.5	6.8	6.6	7.7
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	9.0	3.5	-1.8	-4.1	-1.2
Import barangan penggunaan	4.5	-4.3	-8.3	-4.4	6.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-8.3	-8.1	-11.1	-3.5	17.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	-3.9	-10.6	-6.4	-1.7	11.8

Sumber: Pelbagai sumber

jualan kenderaan bermotor meningkat 17.6% pada suku keempat, selepas mengalami penguncupan selama lima suku berturut-turut. Sementara itu, jumlah ketibaan pelancong yang terus bertambah dan musim cuti persekolahan telah menyumbang kepada pengembangan subsektor **penginapan dan restoran**.

Subsektor **komunikasi** mencatat pertumbuhan 7.1% (S3 09: 6.1%) kerana persaingan yang lebih sengit dalam kalangan penyedia perkhidmatan telekomunikasi telah menyebabkan mereka mengadakan promosi akhir tahun yang agresif, lantas menyumbang kepada kenaikan permintaan yang ketara terhadap perkhidmatan selular dan jalur lebar. Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** pula kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan 2.6%, selepas mengalami penguncupan selama tiga suku berturut-turut. Pemulihan dalam prestasi subsektor ini adalah terutamanya hasil daripada perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo yang meningkat berikutan kenaikan dalam permintaan luar negeri. Pertumbuhan dalam subsektor **utiliti** pula lebih kukuh sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti pengilangan.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-8.8**	**1.3**	**-8.6**	**5.3**	**-9.3**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**-11.1**	**0.6**	**-9.1**	**5.1**	**-9.8**
Industri berorientasikan eksport	**-13.4**	**-1.2**	**-10.0**	**5.0**	**-10.9**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**-22.5**	**-3.6**	**-22.6**	**2.0**	**-22.8**
Antaranya:					
Elektronik	-27.8	-5.4	-22.9	0.6	-24.6
Barangan elektrik	-8.2	0.9	-22.1	5.0	-18.5
Kelompok barangan induk	**-6.8**	**0.4**	**-1.2**	**6.7**	**-3.2**
Antaranya:					
Bahan kimia dan keluaran kimia	-15.0	-3.5	-1.8	19.6	-1.7
Keluaran petroleum	2.0	5.9	6.5	-3.4	0.1
Keluaran getah	2.1	4.7	2.4	15.6	-3.2
Pemprosesan luar estet	-0.2	9.4	-5.1	8.5	-2.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**-2.0**	**8.0**	**-5.7**	**5.5**	**-5.7**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**-8.3**	**4.3**	**-8.6**	**2.6**	**-11.4**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	-10.7	3.2	-15.2	-2.9	-18.2
Keluaran logam yang direka	-4.4	6.1	1.0	11.1	-0.9
Kelompok barangan pengguna	**3.1**	**11.0**	**-3.4**	**7.7**	**-1.3**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	18.4	23.4	-16.2	-8.6	-12.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	-2.3	7.4	-0.1	12.1	1.5

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan positif

Sektor perkilangan kembali pulih dan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.3% dengan prestasi yang lebih baik dalam keempat-empat kelompok. Ini mencerminkan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik.

Pertumbuhan kecil dalam **industri berorientasikan eksport** didorong oleh kelompok barangan induk yang pulih untuk berkembang sebanyak 6.7% (S3 09: -1.2%). Ini didorong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran kimia, getah dan pemprosesan luar estet. Sementara itu, kelompok E&E pulih untuk berkembang sebanyak 2%, khususnya dalam segmen keluaran separa konduktor dan elektrik ekoran pemulihan dalam permintaan luar negeri.

Bagi **industri berorientasikan dalam negeri**, permintaan dalam negeri yang lebih kukuh menyumbang kepada peningkatan dalam kelompok barangan pengguna dan kelompok barangan berkaitan pembinaan. Pengeluaran keluaran makanan, minuman dan tembakau berkembang dengan pesat, sejajar dengan pertumbuhan penggunaan swasta dalam negeri yang berterusan, manakala pengeluaran yang bertambah baik dalam kelompok barangan berkaitan pembinaan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pembinaan dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan bagi sektor perkilangan meningkat kepada 74% pada suku keempat (S3 09: 73%), dan ini mencerminkan tahap pengeluaran yang lebih tinggi dalam sektor itu. Industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 78% dan 59% daripada jumlah keseluruhan kapasiti (S3 09: masing-masing 77% dan 56%).

Sektor komoditi mencatat prestasi yang lebih baik

Sektor pertanian kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 6% disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi tanaman industri seperti kelapa sawit dan getah. Peningkatan pengeluaran kelapa sawit dan getah disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang lebih tinggi. Peningkatan dalam pengeluaran getah juga disebabkan oleh aktiviti penorehan yang meningkat berikutan harga yang lebih tinggi. Sementara itu, **sektor perlombongan** menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang kukuh

Sektor pembinaan terus berkembang dengan kukuh sebanyak 9.2% pada suku keempat (S3 09: 7.9%), terutamanya hasil daripada pelaksanaan yang lebih cepat projek di bawah pakej rangsangan fiskal dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pertumbuhan dalam segmen bukan kediaman juga didorong oleh pembinaan yang berterusan ruang pejabat khas dan ruang perniagaan runcit. Subsektor kejuruteraan awam disokong oleh perkembangan dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti projek landasan kereta api berkembar dan jalan raya. Sementara itu, prestasi segmen kediaman yang bertambah baik adalah hasil daripada keadaan permintaan yang lebih baik berikutan sentimen pengguna yang menggalakkan pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Pertanian

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**0.5**	**4.0**	**-0.5**	**6.0**	**0.4**
Tanaman Industri	**-3.1**	**2.9**	**-5.1**	**6.0**	**-4.4**
Tanaman Makanan	**5.8**	**5.6**	**5.5**	**4.4**	**6.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	3.6	12.1	-4.1	6.4	-1.0
Getah	-29.7	-10.6	-24.8	19.6	-20.2
Ikan	7.1	5.2	0.5	0.6	6.7
Ternakan	3.0	4.3	8.9	13.0	7.6

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-5.7**	**-0.8**	**-3.5**	**-2.8**	**-3.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-5.9	1.1	-4.8	-5.0	-4.4
Gas asli	-1.5	0.3	-2.6	0.4	-4.0

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Pembinaan

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-47.8	-18.9	28.4	100.8	12.3
Kelulusan perumahan	-53.8	-18.8	29.3	111.6	4.2
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	-8.3	4.3	-8.6	2.6	-11.4
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-25.2	-1.7	-6.2	14.6	-19.1
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-10.0	4.9	-8.3	1.8[2]	-7.7[3]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Okt-Nov 2009
[3] Jan-Nov 2009

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Harga jatuh pada kadar lebih perlahan

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun pada kadar tahunan 0.2% pada suku keempat (S3 09: -2.3%). Penurunan dalam harga pengguna sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan kumulatif pelarasan ke bawah harga runcit bahan api pada separuh kedua tahun 2008. Harga dalam kategori *pengangkutan* jatuh pada kadar tahunan 7% pada suku keempat (S3 09: -18.5%), yang menyebabkan inflasi keseluruhan menjadi lebih rendah kira-kira 1.2 mata peratusan. Kecuali kategori *pengangkutan*, *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan,* serta *barangan dan perkhidmatan pelbagai*, semua kategori IHP yang lain mencatat kadar inflasi yang lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Meskipun terdapat kemerosotan suku tahunan, kadar inflasi bertukar positif pada bulan Disember, lalu mencatat kenaikan 1.1%.

Harga pengeluar, seperti yang diukur melalui Indeks Harga Pengeluar (IHPR), jatuh pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 1.2% pada suku keempat (S3 09: -10.8%). Kadar penurunan harga bagi komponen IHPR berasaskan komoditi menjadi sederhana kepada 0.9% (S3 09: -26.4%). Harga bagi komponen IHPR bukan berasaskan komoditi juga menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.3% (S3 09: -2.9%). Dari segi komposisi, kedua-dua komponen tempatan dan import IHPR mencatat penurunan harga yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 1.8% (S3 09: -14.4%) dan 0.1% (S3 09: -2.9%).

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik pada suku keempat berikutan jumlah pemberhentian pekerja yang terus berkurang, manakala jawatan kosong makin meningkat. Pemberhentian pekerja menurun sebanyak 26% daripada suku sebelumnya kepada 2,125 orang (S3 09: 2,879 orang), dan ini mencerminkan keadaan yang semakin baik dalam semua sektor ekonomi secara keseluruhan, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan. Bilangan pemberhentian pekerja dalam semua subsektor perkhidmatan berkurang, manakala pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan terus berkurang berikutan prestasi industri E&E yang bertambah baik.

Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan melalui portal JobsMalaysia terus meningkat pada suku keempat (531,694 jawatan; S3 09: 474,781 jawatan), disokong oleh peluang pekerjaan yang lebih besar dalam kebanyakan sektor ekonomi, khususnya dalam sektor perkilangan. Sementara itu, upah benar setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 5.9% (S3 09: 6.1%), dan peningkatan ini memberi sokongan yang berterusan kepada aktiviti penggunaan swasta.

Perdagangan luar negeri pulih dan berkembang

Eksport kasar pulih dan berkembang sebanyak 5.1% pada suku keempat. Pemulihan ini disokong oleh permintaan luar negeri yang lebih tinggi khususnya dari rantau ini, dan harga komoditi yang lebih kukuh. Import kasar meningkat sebanyak 6.7% disebabkan oleh pengeluaran perkilangan yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, lebihan perdagangan kekal besar pada RM32.4 bilion.

Semua segmen **eksport kasar**, kecuali mineral, mencatat pertumbuhan yang positif. Eksport perkilangan terus bertambah baik dan mencatat pertumbuhan yang menggalakkan dalam eksport keluaran elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E) dan keluaran bukan E&E. Pertumbuhan yang kukuh dalam eksport E&E dicerminkan dalam segmen elektronik dan elektrik, disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi dari negara serantau, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat, khususnya untuk memenuhi permintaan musim perayaan pada hujung tahun. Eksport bukan E&E juga meningkat berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran yang berasaskan sumber serta jentera dan alat ganti untuk pengeluaran perkilangan dari negara serantau. Penguncupan dalam eksport komoditi terus mengecil pada suku keempat disebabkan oleh peningkatan eksport pertanian dan penguncupan lebih kecil dalam eksport mineral. Pemulihan ini disebabkan oleh harga dan permintaan yang lebih kukuh terhadap semua komoditi utama kecuali gas asli cecair.

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Prestasi Perdagangan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2008[1]		2009[1]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**-7.4**	**9.8**	**-22.4**	**5.1**	**16.6**
Perkilangan	-11.2	1.8	-16.0	11.3	-11.4
E&E	*-16.2*	*-2.8*	*-16.0*	*18.4*	*-10.8*
Bukan E&E	*-4.3*	*8.1*	*-16.0*	*2.9*	*-12.2*
Komoditi	6.1	38.4	-37.5	-10.0	-28.8
Pertanian	*-10.6*	*32.2*	*-31.6*	*5.4*	*-22.7*
Mineral	*16.9*	*42.4*	*-41.3*	*-17.7*	*-32.5*
Import Kasar	**-11.2**	**3.9**	**-18.4**	**6.7**	**-16.6**
Barangan modal	-13.4	0.0	-13.2	17.4	-5.9
Barangan pengantara	-12.2	5.7	-22.6	0.1	-21.6
Barangan penggunaan	4.5	11.8	-4.4	6.3	-2.7
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**32.7**	**141.9**	**26.7**	**32.4**	**118.4**

[1] Pengkelasan perdagangan Malaysia telah disemak pada bulan April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdagangan antarabangsa iaitu *Harmonised System (HS), ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) dan Standard International Trade Classification (SITC)*

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2008		2009			2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-22.2**	**-12.5**	**-30.4**	**-7.4**	**-26.8**	**12.0**	**12.5**	**10.7**	**10.6**	**10.9**
Kesatuan Eropah (EU)	**-14.2**	**-3.8**	**-24.6**	**0.9**	**-19.9**	**11.6**	**11.3**	**10.7**	**11.1**	**10.8**
Negara ASEAN terpilih[1]	**-15.0**	**9.9**	**-23.5**	**11.7**	**-16.8**	**24.2**	**25.6**	**25.4**	**25.7**	**25.5**
Timur Laut Asia	**-18.3**	**10.9**	**-9.0**	**42.4**	**-1.5**	**18.1**	**20.1**	**24.9**	**24.6**	**23.8**
Republik Rakyat China	*-18.4*	*19.2*	*-2.8*	*61.0*	*6.4*	*8.4*	*9.5*	*13.3*	*12.8*	*12.2*
Hong Kong SAR	*-22.7*	*1.2*	*2.2*	*37.8*	*1.9*	*4.0*	*4.3*	*5.7*	*5.2*	*5.2*
China Taipei	*-22.1*	*-1.4*	*-12.5*	*24.7*	*-11.1*	*2.2*	*2.4*	*2.9*	*2.6*	*2.6*
Korea	*-9.9*	*12.4*	*-38.2*	*15.2*	*-18.5*	*3.6*	*3.9*	*2.9*	*4.0*	*3.8*
Asia Barat	**29.3**	**38.0**	**-29.5**	**-10.2**	**-18.0**	**4.0**	**3.9**	**4.1**	**3.4**	**3.9**
India	**9.8**	**22.4**	**-40.0**	**-27.6**	**-31.3**	**4.0**	**3.7**	**2.8**	**2.8**	**3.1**
Jumlah eksport	**-7.4**	**9.8**	**-22.4**	**5.1**	**-16.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan **import kasar** berubah arah kepada positif pada suku keempat. Import barangan pengantara meningkat kerana firma-firma menambah pengeluaran mereka bagi memenuhi permintaan eksport yang lebih tinggi. Import barangan modal dan penggunaan terus meningkat disebabkan keyakinan perniagaan dan pengguna yang terus kukuh berikutan permintaan dalam negeri dan prospek pertumbuhan yang menggalakkan.

FDI dan pelaburan langsung luar negeri mapan, manakala pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing**[3] (foreign direct investment, FDI) meningkat kepada RM7.2 bilion pada suku keempat (S3 09: RM6.7 bilion) hasil daripada aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi. Setelah dibuat pelarasan bagi aliran keluar kasar disebabkan terutamanya oleh bayaran balik pinjaman antara syarikat, **FDI bersih** kekal menggalakkan pada RM2.5 bilion (S3 09: RM2.6 bilion), sejajar dengan pemulihan secara beransur-ansur yang dicatatkan dalam aliran FDI global. Pada suku keempat, FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya untuk industri E&E. Sementara itu, FDI dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan dan insurans.

Pelaburan langsung bersih luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia berjumlah RM4.8 bilion pada suku keempat (S3 09: -RM4.9 bilion). Sebahagian besar DIA tertumpu pada sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor hiburan, komunikasi, kewangan dan insurans, serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Yang ketara, aliran keluar itu mencerminkan pelaburan yang berterusan dalam operasi yang sedia ada di rantau Asia, khususnya pusat peranginan bersepadu di Singapura dan pengendali perkhidmatan mudah alih di India dan Indonesia.

Sementara itu, **pelaburan portfolio** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion pada suku keempat (S3 09: RM9.3 bilion). Aliran keluar bersih itu disebabkan terutamanya oleh pembelian aset asing bersih oleh pemastautin, yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih bukan pemastautin. Pelabur asing terus menambah pemegangan mereka dalam instrumen hutang terbitan Malaysia berikutan tanda-tanda pemulihan ekonomi global dan serantau yang semakin jelas. Aliran portfolio terus tidak menentu pada dua bulan pertama 2010, mencerminkan sentimen pelabur antarabangsa yang berubah-ubah.

[3] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Hutang luar negeri menurun

Pada akhir bulan Disember 2009, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM233.9 bilion atau USD67.7 bilion (akhir bulan September 2009: RM241 bilion atau USD68.5 bilion), yang bersamaan dengan 34.3% daripada PNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** menurun kepada RM156 bilion disebabkan oleh pembayaran balik bersih oleh kedua-dua sektor swasta dan awam. Pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negeri.

Dalam sektor awam, perusahaan awam bukan kewangan (non-financial public enterprise, NFPE) mencatat pembayaran balik bersih disebabkan oleh kematangan bon dan pembayaran balik wang pokok beberapa pinjaman, yang lebih daripada mengimbangi pengeluaran kecil oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik bersih sektor swasta sebahagian besarnya dibuat melalui pembayaran balik bon dan pinjaman oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas serta perkilangan.

Hutang luar negeri jangka pendek terus menurun kepada RM78 bilion atau USD22.6 bilion disebabkan oleh aktiviti peminjaman antara bank yang lebih sederhana. Pada akhir bulan Disember 2009, hutang jangka pendek mencakupi 33.3% daripada jumlah hutang luar negeri dan 23.5% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	2009	
	akhir Dis	akhir Sept	akhir Dis[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	156.5	160.5	155.9
Sektor awam	83.5	87.8	85.3
Sektor swasta	73.1	72.7	70.6
Hutang jangka pendek[1]	79.6	80.5	78.0
Jumlah hutang luar negeri	236.2	241.0	233.9
bersamaan USD bilion	67.4	68.5	67.7

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM331.3 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009. Paras rizab pada 31 Disember 2009 telah mengambil kira pelarasan suku tahunan pengurangan nilai rizab disebabkan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku itu. Pada 12 Februari 2010, kedudukan rizab berjumlah RM332.1 bilion (bersamaan dengan USD96.9 bilion) dan memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal sebanyak 7% daripada KDNK pada tahun 2009

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih tinggi pada suku keempat, dan ini mencerminkan usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk melaksanakan rangsangan fiskal. Berikutan itu, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit fiskal keseluruhan sebanyak 7% daripada KDNK bagi keseluruhan tahun 2009. Secara khususnya, perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi dicatat bagi pembayaran bekalan dan perkhidmatan, dan geran serta pindahan kepada badan berkanun. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan telah disalurkan kepada sektor-sektor ekonomi terutamanya perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam. Sementara itu, hasil Kerajaan Persekutuan terus menggalakkan disebabkan oleh kutipan daripada hasil berkaitan minyak dan cukai tidak langsung yang lebih tinggi. Defisit fiskal dibiayai melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir tahun 2009, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM362.4 bilion atau 53.7% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2008		2009[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	46.3	159.8	40.8	42.6	158.6
% pertumbuhan	-3.9	14.2	-10.6	-8.0	-0.7
Perbelanjaan mengurus	48.9	153.5	37.1	46.2	157.1
% pertumbuhan	13.8	24.7	-10.2	-5.4	2.3
Akaun semasa	**-2.6**	**6.3**	**3.7**	**-3.6**	**1.6**
% daripada KDNK	***-1.4***	***0.9***	***2.1***	***-2.0***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	16.0	42.8	11.6	17.6	49.5
% pertumbuhan	-12.0	5.6	-7.4	9.5	15.6
Imbangan keseluruhan	**-18.2**	**-35.6**	**-7.8**	**-21.0**	**-47.4**
% daripada KDNK	***-10.3***	***-4.8***	***-4.5***	***-11.3***	***-7.0***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	64.9	196.3	48.7	63.8	206.6
% pertumbuhan	*6.2*	*20.0*	*-9.6*	*-1.7*	*5.2*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	306.4	306.4	354.3	362.4	362.4
% daripada KDNK	*41.5*	*41.5*	*52.5*	*53.7*	*53.7*
Hutang dalam negeri	286.1	286.1	340.4	348.6	348.6
% daripada KDNK	*38.7*	*38.7*	*50.5*	*51.7*	*51.7*
Hutang luar negeri	20.3	20.3	13.9	13.8	13.8
% daripada KDNK	*2.8*	*2.8*	*2.1*	*2.0*	*2.0*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) terus tidak berubah pada 2.00% pada suku keempat. Sejajar dengan OPR yang tidak berubah, kadar faedah antara bank semalaman purata stabil dan bergerak dalam julat kecil 1.99% hingga 2.01% pada tempoh 1 Oktober – 31 Disember 2009. Kadar faedah antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 5.51% berbanding dengan suku sebelumnya. Namun begitu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul terus menurun pada suku keempat kepada 4.83% pada bulan Disember 2009, iaitu tahap terendah dalam sejarah. Trend menurun yang berterusan dalam ALR bagi pinjaman terkumpul mencerminkan kontrak pinjaman baharu pada kadar yang lebih rendah berikutan penurunan OPR, sementara pinjaman sedia ada yang dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi telah dibayar balik.

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi bank perdagangan kekal tidak berubah. Pada akhir bulan Disember, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Kadar Faedah

	2008	2009	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	2.00	2.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.25	1.99	1.99
1 bulan	3.30	2.07	2.07
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.48	5.51	5.51
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.86	4.91	4.83
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.04	2.03	2.03
12 bulan	3.50	2.50	2.50

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 meningkat pada kadar lebih cepat

Agregat monetari mencatat kenaikan tahunan yang lebih cepat pada suku keempat, selaras dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM9.7 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat sebanyak 9.8% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September 2009: 6.5%). Wang secara luas atau M3 juga berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat sebanyak 9.1% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September 2009: 6.8%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM41.5 bilion.

Kedua-dua faktor dalam dan luar negeri menyumbang kepada pertumbuhan wang secara luas pada suku keempat. Dari segi dalam negeri, pembiayaan sistem perbankan kepada sektor awam meningkat. Aktiviti pinjaman terus disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah. Sementara itu, peningkatan M3 juga disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi. Dari segi luar negeri pula, Malaysia telah mencatat aliran masuk asing bersih pada suku keempat yang mencerminkan kedua-dua lebihan perdagangan dan aliran masuk kewangan.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**19.1**	**99.1**	**25.0**	**41.5**	**85.1**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	23.3	33.6	0.7	13.5	25.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	18.3	94.2	20.8	19.9	51.5
Pinjaman	*11.2*	*76.9*	*19.4*	*15.3*	*47.0*
Sekuriti	*7.1*	*17.3*	*1.4*	*4.6*	*4.5*
Aset asing bersih[1]	-37.6	-46.2	5.6	6.5	5.6
BNM	*-48.6*	*-12.4*	*0.9*	*1.8*	*-9.4*
Sistem Perbankan	*11.0*	*33.7*	*4.7*	*4.7*	*15.0*
Pengaruh lain	15.1	17.4	-2.2	1.6	2.2

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku keempat

Dengan ekonomi yang bertambah baik dan persekitaran kadar faedah yang rendah, pembiayaan kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah meningkat dengan ketara pada suku keempat. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM216 bilion pada suku keempat (S3 09: RM180.9 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi itu mencerminkan pengeluaran pinjaman bank yang meningkat serta terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan tawaran awam awal (initial public offerings, IPO) yang lebih tinggi pada suku itu. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat sebanyak 8.5% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September: 7.2%).

Semua penunjuk pinjaman utama bertambah baik pada suku keempat. Dalam sektor perniagaan, peningkatan permintaan terhadap pembiayaan baharu disokong terutamanya oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi daripada sektor-sektor *pertanian utama*

dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.* Pengeluaran pinjaman juga lebih tinggi untuk membiayai keperluan modal kerja bagi sektor *perkilangan; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit; pembinaan; harta tanah;* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*. Selain itu, pembiayaan bagi aktiviti penggabungan dan pengambilalihan pada suku keempat juga lebih tinggi sebanyak RM1.6 bilion, dan disalurkan kepada sektor *elektrik, gas dan bekalan air*. Meskipun pengeluaran pinjaman lebih tinggi dengan ketara, pembayaran balik pinjaman yang lebih besar dan penjualan pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) pada suku keempat menyebabkan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat dengan lebih sederhana sebanyak RM4.8 bilion (S3 09: +RM5.2 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 2.6% pada akhir bulan Disember 2009 (0.5% pada akhir bulan September 2009).

Sementara itu, pembiayaan kepada sektor isi rumah terus kukuh. Permintaan pinjaman isi rumah bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman terus meningkat. Pengeluaran pinjaman kepada isi rumah juga meningkat pada suku keempat, dan ini mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi bagi pinjaman perumahan, peribadi dan juga sebahagian kecilnya, pinjaman kad kredit. Hasilnya, pinjaman isi rumah terkumpul terus berkembang sebanyak RM12.1 bilion pada suku keempat berbanding dengan suku sebelumnya. Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.8% pada akhir bulan Disember 2009 (akhir bulan September 2009: 9.1%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2009	S4 08	S3 09	S4 09	2009	S3 09	S4 09
Jumlah pembiayaan kasar	**737.8**	**167.1**	**180.9**	**216.0**	**7.1**	**0.1**	**29.2**
Pengeluaran pinjaman*	655.6	157.9	167.1	186.3	2.4	-0.7	18.0
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	56.1	9.0	12.6	16.4	30.9	20.1	83.7
Ekuiti	26.0	0.2	1.2	13.2	375.5	-43.9	5,818.5
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	**83.4**	**16.1**	**25.1**	**30.3**	**8.5**	**7.2**	**8.5**
Sistem perbankan	57.1	15.0	22.1	19.7	7.2	6.8	7.2
Baki pinjaman (A)	*56.9*	*13.8*	*21.0*	*19.7*	*7.8*	*7.2*	*7.8*
Pemegangan PDS	*0.2*	*1.1*	*1.1*	*0.0*	*0.4*	*2.2*	*0.4*
PDS terkumpul (B)	26.5	2.3	4.2	10.6	10.5	7.3	10.5
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	61.3	8.0	13.5	16.4	26.0	23.0	106.8

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2009	S4 08	S3 09	S4 09	2009	S4 08	S3 09	S4 09
Jumlah								
Permohonan pinjaman	518.7	101.6	135.5	138.6	9.3	-22.6	0.9	36.5
Kelulusan pinjaman	286.8	60.9	72.6	80.4	-1.5	-30.8	-6.8	32.0
Pengeluaran pinjaman	655.7	157.9	167.1	186.3	2.4	5.3	-0.7	18.0
Bayaran balik pinjaman	593.8	143.4	145.5	161.8	4.5	-6.8	-0.3	12.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	56.9	13.8	21.0	19.7	7.8	12.8	7.2	7.8
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	237.7	51.3	60.2	61.2	-2.8	-33.6	-17.9	19.2
Kelulusan pinjaman	127.6	29.5	29.6	37.1	-13.8	-48.0	-24.8	25.8
Pengeluaran pinjaman	439.2	112.6	109.7	125.7	-3.6	7.1	-9.4	11.6
Bayaran balik pinjaman	406.9	101.9	98.2	112.4	0.9	-11.4	-6.1	10.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.8	-1.4	5.2	4.8	2.6	13.2	0.5	2.6
PKS**								
Permohonan pinjaman	104.5	19.9	28.4	29.7	4.0	-23.5	-0.2	49.2
Kelulusan pinjaman	45.3	11.5	12.4	12.7	-16.3	-17.0	-10.4	10.3
Pengeluaran pinjaman	143.3	39.6	35.8	38.2	-12.0	5.1	-16.9	-3.4
Bayaran balik pinjaman	132.2	36.1	33.0	34.8	-9.1	4.5	-13.5	-3.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-5.6	0.0	1.0	-0.2	-4.5	9.3	-4.3	-4.5
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	133.2	31.4	31.8	31.5	-7.5	-38.7	-29.1	0.2
Kelulusan pinjaman	82.3	18.0	17.2	24.4	-12.3	-58.0	-32.6	35.7
Pengeluaran pinjaman	295.9	73.0	73.9	87.5	1.1	8.2	-5.2	19.8
Bayaran balik pinjaman	274.7	65.8	65.3	77.6	6.5	-18.2	-1.8	18.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.4	-1.5	4.3	5.0	7.8	16.2	4.0	7.8
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	281.0	50.2	75.3	77.4	22.0	-6.9	23.6	54.2
Kelulusan pinjaman	159.2	31.4	43.0	43.3	11.3	0.6	11.6	37.9
Pengeluaran pinjaman	216.5	45.4	57.4	60.7	17.3	1.0	21.4	33.8
Bayaran balik pinjaman	187.0	41.5	47.3	49.4	13.4	7.0	14.4	19.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	38.6	8.7	11.3	12.1	9.8	9.7	9.1	9.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2009	S4 08	S3 09	S409		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**439.2**	**112.6**	**109.7**	**125.7**	**67.4**	**44.9**
Syarikat besar	*295.9*	*73.0*	*73.9*	*87.5*	*46.9*	*29.7*
*PKS**	*143.3*	*39.6*	*35.8*	*38.2*	*20.5*	*15.2*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	20.8	3.9	5.2	7.0	3.7	2.4
Perlombongan dan kuari	2.3	0.5	0.5	0.5	0.3	0.3
Perkilangan	128.4	34.9	32.3	34.8	18.7	9.7
Pembinaan	40.5	8.0	10.5	12.2	6.5	4.7
Harta tanah	20.6	4.7	4.2	6.5	3.5	4.1
Bekalan elektrik, gas dan air	8.5	1.0	3.4	3.3	1.8	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	105.4	27.5	27.1	28.3	15.2	7.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	22.5	3.3	4.3	6.7	3.6	3.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	44.5	15.0	9.7	12.1	6.5	6.3
Isi rumah	**216.5**	**45.4**	**57.4**	**60.7**	**32.6**	**55.1**
Pembelian harta kediaman	55.6	12.3	14.4	16.8	9.0	25.6
Kredit penggunaan	132.6	27.8	35.4	36.1	19.4	21.4
Antaranya:						
Kad kredit	*70.5*	*15.2*	*18.2*	*19.5*	*10.5*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*32.8*	*6.8*	*9.0*	*8.2*	*4.4*	*13.3*
Lain-lain	28.4	5.2	7.6	7.8	4.2	8.1
Jumlah	**655.7**	**157.9**	**167.1**	**186.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**13.9**	**36.2**	**16.6**	**5.6**	**57.8**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	14.9	37.7	19.1	5.7	53.3
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.0*	*44.6*	*14.6*	*13.5*	*61.3*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*7.5*	*16.5*	*8.5*	*3.5*	*28.5*
Tolak: Penebusan	*4.6*	*23.4*	*4.0*	*11.4*	*36.5*
Bon Khazanah, *bersih*	(1.0)	(3.0)	(2.4)	-	(2.4)
Bon Simpanan, *bersih*	(0.0)	1.5	(0.1)	(0.1)	6.9
Oleh Sektor Swasta	**(0.5)**	**20.1**	**6.7**	**24.0**	**52.6**
Saham	0.2	5.5	1.2	13.2	26.0
Sekuriti hutang, *bersih*	(0.8)	14.6	5.5	10.8	26.5
Sekuriti Hutang Swasta	*8.0*	*48.7*	*13.5*	*16.4*	*58.6*
Tolak: Penebusan	*8.7*	*34.0*	*8.0*	*5.6*	*32.0*
Jumlah	**13.3**	**56.3**	**23.4**	**29.6**	**110.3**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus menggalakkan

Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal pada suku keempat berjumlah RM29.6 bilion (S3 09: RM23.4 bilion). Aktiviti pemerolehan dana didorong terutamanya oleh sektor swasta, yang meningkat dengan ketara pada suku keempat, dan mencakupi 81% daripada jumlah pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal. Pemerolehan dana kasar melalui PDS meningkat kepada RM16.4 bilion (S3 09: RM13.5 bilion). Sebahagian besar terbitan PDS pada suku itu dibuat oleh syarikat berkaitan Kerajaan, syarikat-syarikat kewangan dan konglomerat yang pelbagai. Yang ketara, pada bulan Oktober, bon dalam denominasi mata wang asing yang pertama telah diterbitkan oleh sebuah firma tempatan yang merupakan penyedia teknologi untuk industri minyak dan gas. Meskipun sejumlah besar pemerolehan dana adalah untuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am (59.7%), pembiayaan untuk aktiviti baharu mencakupi bahagian yang lebih besar berbanding dengan suku sebelumnya (S4 09: 28.3%; S3 09: 14.2%). Dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti berjumlah RM13.2 bilion pada suku itu (S3 09: RM1.2 bilion). Peningkatan yang besar ini disebabkan terutamanya oleh satu tawaran awam awal yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi utama berjumlah RM11.5 bilion pada bulan November.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor awam memperoleh dana melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3.5 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10.5 tahun, serta pembukaan semula MGS 2 tahun dan 5 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM5.6 bilion.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder lebih rendah pada RM134 bilion pada suku keempat (S3 09: RM155.6 bilion). Sekuriti kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 88.4% daripada jumlah urus niaga. Secara keseluruhan, nisbah mudah tunai mencatat sedikit penurunan kecuali kertas-kertas Khazanah. Dari segi mudah tunai, MGS merupakan kertas paling cair dengan nisbah kecairan 0.48.

Trend kadar hasil MGS lebih tinggi sedikit pada suku keempat 2009 disebabkan oleh jangkaan bahawa ekonomi akan pulih berikutan berita mengenai data ekonomi Malaysia yang positif. Kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 36, 5 dan 11 mata asas. Peningkatan yang lebih besar dalam kadar hasil MGS 3 tahun berbanding dengan sekuriti bertempoh matang yang lebih lama disebabkan oleh terbitan baharu MGS 3.5 tahun pada bulan November, yang menjadi penanda aras kadar hasil yang baharu. Kadar hasil yang lebih tinggi itu mencerminkan tempoh matang bagi penanda aras baharu yang lebih panjang sedikit. Kadar hasil dalam pasaran PDS, khususnya dalam sekuriti bertaraf lebih tinggi meningkat sedikit, seiring dengan trend kadar hasil MGS.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (5-tahun) dan kadar hasil sekuriti hutang swasta (5-tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2008				2009					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	36,605	54,438	154,459	313,083	56,208	86,785	57,655	76,246	248,025	302,777
Antaranya:										
Papan Utama	31,273	53,316	119,303	301,289	48,805	84,666	48,324	73,719	210,298	292,589
Antaranya										
Produk Pengguna	946	2,478	3,671	11,973	3,115	4,484	3,821	3,786	11,296	14,525
Produk Industri	7,609	5,450	17,865	23,704	11,387	10,161	10,147	9,462	44,521	35,974
Pembinaan	3,076	3,967	14,119	30,070	3,526	6,047	2,458	4,663	15,744	22,354
Dagangan/Khidmat	9,327	20,377	35,826	106,698	16,284	30,141	15,367	27,694	70,507	105,636
Kewangan	2,652	10,190	10,846	59,459	3,789	18,946	4,207	15,090	17,057	56,555
Harta Benda	3,044	1,805	12,832	12,076	6,521	4,898	4,596	3,491	29,349	19,418
Perladangan	2,011	6,284	7,524	39,238	1,508	5,954	1,118	4,411	5,888	21,541
Infrastruktur	787	2,170	3,398	10,713	1,106	3,062	1,608	1,783	5,659	10,319
Papan Kedua[1]	2,276	739	10,761	6,521	1,696	788	-	-	10,823	4,040
Mesdaq[2]	1,686	294	11,239	3,921	3,337	607	5,592	1,406	16,696	3,426

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

KLCI terus bertambah kukuh

KLCI FBM ditutup pada 1,272.8 mata pada suku keempat (sejak S3 09: +5.9%), sejajar dengan pasaran serantau lain. Sentimen pasaran yang terus bertambah baik didorong oleh tanda-tanda pemulihan ekonomi global dan domestik yang semakin jelas. Indeks itu juga disokong oleh minat pelabur yang meningkat berikutan jangkaan penyenaraian semula sebuah syarikat telekomunikasi utama pada 19 November 2009. Sementara itu, pelabur juga memberikan tindak balas yang positif terhadap pengumuman bahawa pentadbiran Abu Dhabi komited untuk membantu Dubai memenuhi obligasi hutangnya. Permodalan pasaran meningkat kepada RM999.5 bilion pada akhir tahun 2009 (S3 09: RM910.5 bilion), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 912.7 juta unit (S3 09: 892.2 juta unit) pada suku keempat.

Pada 22 Februari 2010, KLCI FBM ditutup lebih rendah pada 1,266.4 mata (sejak akhir tahun 2009: -0.5%), dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM1.009 trilion (sejak akhir tahun 2009: +0.95%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada tahun 2009 (% pertumbuhan sejak akhir tahun 2009)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Indeks Harga					
Komposit	876.8	876.8	1,202.1	1,272.8	1,272.8
FBM30[1]	5,637.7	5,637.7	-	-	-
FBM EMAS[2]	5,726.5	5,726.5	8,097.9	8,507.6	8,507.6
FTSE Papan Kedua[3]	4,007.3	4,007.3	-	-	-
FTSE Mesdaq[4]	3,333.6	3,333.6	4,067.7	4,299.6	4,299.6
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	610.1	630.4	892.2	912.7	999.5
Nilai (RM juta)	907.3	1,277.9	1,377.5	1,208.9	1,220.5
Permodalan pasaran (RM bilion)	663.8	663.8	910.5	999.5	999.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	977	977	957	960	960

[1] FBM30 mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia 30
[2] FBM EMAS mewakili Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas
[3] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[4] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama

Ringgit menambah nilai sebanyak 1.5% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat disebabkan oleh sentimen pelabur yang menggalakkan terhadap pasaran kewangan serantau ekoran tanda-tanda pemulihan ekonomi global dan serantau yang berterusan. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (4.4%), euro (3.3%) dan paun sterling (1.2%). Yen Jepun menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang lain disebabkan jangkaan pasaran bahawa yen yang lebih lemah akan menyokong pemulihan ekonomi, manakala euro menyusut nilai disebabkan kebimbangan terhadap isu hutang Kerajaan di beberapa negara Kesatuan Eropah. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.4%), baht Thailand (0.9%), dolar Singapura (0.7%) dan won Korea (0.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-1.5%) dan peso Filipina (-1.2%).

Pada tempoh 1 Januari hingga 22 Februari 2010, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), euro (6.1%) dan paun sterling (4.5%), tetapi kekal stabil berbanding dengan yen Jepun. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (1.1%), renminbi China (0.8%), peso Filipina (0.7%) dan baht Thailand (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-0.8%) dan rupiah Indonesia (-0.3%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 September - Disember 2009)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 08	S3 09	S4 09	21 Jul 05	S4 08	S3 09
Dolar AS	3.8000	3.4640	3.4745	3.4245	11.0	1.2	1.5
Euro	4.6212	4.8759	5.0799	4.9191	-6.1	-0.9	3.3
Paun sterling	6.6270	4.9989	5.5679	5.5001	20.5	-9.1	1.2
100 yen Jepun	3.3745	3.8327	3.8698	3.7076	-9.0	3.4	4.4
Dolar Singapura	2.2570	2.4070	2.4573	2.4401	-7.5	-1.4	0.7
100 baht Thailand	9.0681	9.9398	10.361	10.271	-11.7	-3.2	0.9
100 peso Filipina	6.8131	7.2774	7.3325	7.4196	-8.2	-1.9	-1.2
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0316	0.0359	0.0364	5.9	-13.2	-1.5
100 won Korea	0.3665	0.2750	0.2946	0.2937	24.8	-6.4	0.3
Renminbi China	0.4591	0.5076	0.5089	0.5016	-8.5	1.2	1.4

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN DAN INSURANS

Perkembangan dalam sektor perbankan

Sektor perbankan terus berdaya tahan, disokong oleh permodalan yang kukuh serta paras pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) yang lebih baik. Dengan kedudukan kewangan yang kukuh, serta diperkukuh oleh kedudukan dana dan mudah tunai yang menggalakkan, sektor perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong keperluan pembiayaan ekonomi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.7% dan 13.1%. Aktiviti pengurusan modal yang proaktif pada suku itu menyumbang kepada pertambahan dalam modal asas. Hasilnya, modal yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum mencatat paras yang selesa sebanyak RM58.4 bilion. Keuntungan sebelum cukai pada suku itu kekal pada RM5.2 bilion, disokong oleh peningkatan dalam pendapatan berasaskan fi dan pendapatan pelaburan.

Kualiti portfolio pinjaman terus bertambah baik pada suku itu, dengan paras NPL bersih menurun untuk mencakupi 1.8% daripada jumlah pinjaman. Penurunan itu disebabkan oleh beberapa faktor, seperti pengelasan semula kepada status pinjaman berbayar yang lebih tinggi, pemulihan pinjaman, hapus kira dan penjualan NPL pada tempoh itu. Penurunan NPL dicatat dalam segmen pinjaman isi rumah dan perniagaan.

Sistem Perbankan

	S4 08	S3 09	S4 09
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	910.8	913.6	928.5
Modal asas (RM bilion)	115.2	133.5	136.4
Nisbah modal wajaran risiko (%)	12.6	14.6	14.7
Nisbah modal teras (%)	10.6	13.1	13.1
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)	**5,039.0**	**5,199.0**	**5,212.1**
Nisbah pulangan atas ekuiti (%)	18.6	13.2	13.9
Nisbah pulangan atas aset (%)	1.5	1.2	1.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL)

	S4 08	S3 09	S4 09
	%		
NPL bersih (RM juta)	15,888.9	16,007.3	13,885.7
Nisbah NPL bersih	2.2	2.1	1.8
Nisbah NPL kasar	4.8	4.4	3.7
Perniagaan Besar	5.4	5.0	4.1
Perusahaan Kecil & Sederhana	6.8	7.0	5.7
Isi rumah	4.1	3.6	3.1

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Pinjaman Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman tertunggak (kelompok 1-<3 bulan) meningkat sedikit, iaitu sebanyak 3.9% pada suku keempat 2009 untuk mencakupi 4.8% daripada jumlah pinjaman. Risiko terhadap perolehan masih terkawal memandangkan perlindungan kerugian pinjaman (loan loss coverage) yang tinggi pada 95.2% (S3 09: 89.5%).

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Nisbah Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keupayaan sistem perbankan untuk memenuhi obligasi mudah tunai terus kukuh pada suku keempat. Penampan mudah tunai bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan kekal lebih daripada mencukupi, masing-masing pada 17.9%. Sementara itu, nisbah pinjaman berbanding deposit terus memuaskan pada 77.9% (S3 09: 78.9%).

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Sektor insurans dan takaful terus berdaya tahan dan mempunyai tahap penampan modal yang kukuh untuk industri itu menghadapi kejutan. Keberuntungan pulih semula disebabkan keadaan pasaran ekuiti yang bertambah baik dan keadaan perniagaan yang menggalakkan. Jumlah premium dan caruman perniagaan baharu bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga meningkat sebanyak 8.3% kepada RM2.4 bilion (S4 08: RM2.3 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan dalam sektor perniagaan insurans hayat yang telah mengimbangi sebahagian daripada penurunan dalam perniagaan berkaitan pelaburan. Sementara itu, insurans kenderaan bermotor dan kebakaran terus mencakupi sebahagian besar peningkatan premium kasar bagi perniagaan insurans am dan takaful am.

Pendapatan premium dan perolehan modal bersih yang lebih tinggi menghasilkan lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga. Keuntungan operasi bagi perniagaan insurans am juga lebih tinggi, disebabkan pendapatan premium baharu yang lebih tinggi. Ini juga disebabkan oleh nisbah tuntutan yang bertambah baik pada 60.9% (S4 08: 62%) berikutan kadar tuntutan yang lebih rendah.

Nisbah Kecukupan Modal industri bertambah kukuh pada 230.3% (S3 09: 214.7%) manakala ekuiti pemegang saham meningkat sedikit kepada RM15.1 bilion (S3 09: RM14.2 bilion).

Sektor Insurans dan Takaful: Keberuntungan

	2008		2009		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Hayat/keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	1,482.7	8,779.6	4,124.4	2,924.8	12,297.3
Am					
Keuntungan operasi	316.6	752.4	426.2	782.6	2,028.0

Sumber: Bank Negara Malaysia

Seminar Kewangan Islam: Semasa dan Selepas Krisis Kewangan Global
"Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global"
Istanbul, 5 Oktober 2009

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

"Satu demi satu peristiwa yang berlaku semasa krisis kewangan global telah menonjolkan isu-isu yang berkait rapat dengan kestabilan sistem kewangan dan kekukuhan serta daya tahan mengenai arkitektur kewangan antarabangsa. Kegagalan proses pengantaraan kewangan dan hilangnya keyakinan terhadap sistem kewangan dilihat sebagai punca utama krisis. Sambil dunia terus berjuang untuk mengatasi kemelesetan ekonomi global dan sistem kewangan yang masih rapuh, penyelesaian terbaik terus giat dicari. Malah, perbincangan kini banyak berkisar tentang reformasi yang meluas. Selepas krisis ini, landskap kewangan akan datang akan jadi jauh berbeza daripada landskap semasa. Dalam usaha mencari reformasi yang wajar, ramai yang bersependapat bahawa sektor perbankan harus berbalik kepada fungsi asasnya – menyediakan perkhidmatan kewangan yang menambah nilai kepada ekonomi benar. Fungsi inilah yang menjadi inti pati kewangan Islam. Elemen sedemikianlah yang didukung oleh prinsip Syariah yang mendasari kewangan Islam, dan yang menjelaskan tentang daya tahannya semasa krisis kewangan antarabangsa ini. Dengan peranan dan kerelevanan kewangan Islam dalam sistem kewangan global yang semakin penting, ia bukan sahaja akan meningkatkan potensinya untuk menyumbang kepada kestabilan kewangan global tetapi juga dalam memperkasakan pertumbuhan global."

Saya amat berbesar hati kerana dijemput untuk berucap di ***Seminar Kewangan Islam: Semasa dan Selepas Krisis Kewangan Global*** yang dianjurkan bersama oleh Bank Dunia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB), Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) dan Institut Kewangan Antarabangsa (Institute of International Finance, IIF). Seminar ini dianjurkan ketika dunia dilanda ketidakstabilan kewangan global pada tahap yang belum pernah dialami sebelum ini, yang seterusnya telah mengakibatkan berlakunya dengan begitu pantas kemelesetan serentak ekonomi global. Meskipun tanda-tanda pemulihan ekonomi global mulai kelihatan, namun kesan krisis yang merebak dengan begitu meluas telah menggoyahkan asas sistem kewangan global. Kesan buruk akibat krisis ini masih belum dapat dipulih dan dibina semula. Oleh itu, masyarakat antarabangsa kini mula menuntut supaya reformasi terhadap infrastruktur kewangan dibuat supaya ia dapat dinaikkan ke satu tahap infrastruktur yang boleh menyediakan perkhidmatan terbaik kepada ekonomi dunia, dan juga lebih berdaya tahan apabila berhadapan dengan kejutan serta berupaya mengurangkan kemungkinan berlakunya krisis kewangan pada masa akan datang.

Sejarah menunjukkan bahawa lebih daripada seratus krisis perbankan berasingan telah berlaku dalam tiga dekad yang lalu. Justeru, tuntutan terhadap usaha untuk mencari penyelesaian yang berkekalan bagi memastikan sistem kewangan terus stabil, semakin genting. Cabaran yang menanti adalah untuk membina arkitektur kewangan baharu yang membolehkan institusi pengantaraan kewangan berfungsi dengan lebih berkesan, bukan sahaja dalam ekonomi sesebuah negara bahkan merentas sempadan. Cabaran ini boleh dikendalikan oleh kewangan Islam memandangkan ia menekankan hubung kait yang erat dengan aktiviti ekonomi yang produktif, selain ciri sekatan dan imbangannya yang sedia ada serta tahap pendedahan dan ketelusan yang tinggi. Sememangnya elemen

yang jelas ada dalam kewangan Islam berupaya menangani beberapa isu sistem kewangan konvensional semasa krisis sekarang.

Memandangkan krisis semasa ini mempunyai dimensi global dengan tahap penularannya yang pantas dan kesannya yang buruk, keazaman kolektif yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat antarabangsa untuk berganding bahu bagi merumuskan strategi global yang akan mengubah dan membentuk sistem kewangan yang stabil dan mapan sepanjang kitaran perniagaan amatlah perlu. Sejajar dengan peningkatan peranan kewangan Islam dalam sistem kewangan global, maka semakin meningkatlah juga pendedahannya kepada risiko tekanan kewangan berikutan *ketidakstabilan kewangan dan aktiviti ekonomi global.* Oleh itu, hubungan global antara pihak yang memacu agenda reformasi perlu diperkuat memandangkan ia akan menghasilkan struktur, piawaian dan rejim kawal selia yang baharu untuk industri. Hal ini penting terutamanya apabila piawaian sedemikian menjadi asas penilaian agensi pelbagai hala, agensi penarafan serta pasaran. Hubungan sedemikian juga memudahkan kerjasama dan permuafakatan untuk mencapai matlamat memelihara kestabilan kewangan global.

Gabungan faktor pemberian pinjaman yang tidak berhemat, pengambilan risiko yang berlebihan dan inovasi kewangan yang keterlaluan merupakan punca krisis kewangan semasa. Kegawatan kewangan yang dicetuskan oleh pasaran gadai janji dalam beberapa ekonomi maju mengakibatkan kegawatan meluas, yang diikuti kemudiannya oleh kegagalan fungsi pasaran kewangan. Walaupun terdapat perkembangan tersebut, industri kewangan Islam mampu menghadapi kesan peringkat pertama krisis kewangan global, lantas membuktikan kekukuhannya sebagai bentuk pengantaraan kewangan yang stabil.

Daya tahan institusi kewangan Islam sepanjang krisis ini menunjukkan kekukuhan dalamannya yang berlandaskan prinsip Syariah yang teguh. Tonggak kekukuhan ini adalah berdasarkan dua keperluan utama kewangan Islam. Pertama, urus niaga kewangan perlu berasaskan aktiviti ekonomi produktif sebenar yang akan menjana pendapatan dan kekayaan yang halal, lantas mewujudkan kaitan rapat antara urus niaga kewangan dengan aktiviti produktif. Oleh itu, dalam model perniagaan kewangan Islam, pembiayaan atau penyertaan ekuiti hanya boleh diberikan kepada aktiviti dalam sektor benar yang mempunyai nilai ekonomi. Dengan itu, aset kewangan Islam dijangka tumbuh seiring dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang mendasarinya.

Kedua, kewangan Islam adalah berasaskan perkongsian keuntungan, iaitu risiko akan dikongsi secara bersama. Oleh itu, kewangan Islam mendorong institusi kewangan Islam untuk melaksanakan usaha wajar yang sesuai berhubung dengan daya maju cadangan perniagaan dan menguatkuasakan keperluan ketelusan dan penzahiran. Satu lagi faktor yang tidak kurang penting ialah peranan lembaga Syariah dalam memastikan semua aspek operasi perniagaan institusi kewangan Islam adalah berlandaskan prinsip Syariah lantas menambah tahap penyeliaan sedia ada yang mampu mengelakkan daripada berlakunya amalan yang tidak bertanggungjawab. Apabila dimensi tadbir urus dan pengurusan risiko yang sedia ada ini dilaksanakan sepenuhnya, ia akan dapat melindungi kewangan Islam daripada kemungkinan wujudnya risiko tekanan kewangan berikutan tahap hutang atau aktiviti spekulatif yang keterlaluan.

Meskipun krisis semasa telah menimbulkan ketidakpastian dan mewujudkan persekitaran yang lebih mencabar, perkembangan dan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam dalam sistem kewangan global tetap berjalan dengan lancar. Sifat dinamik sistem kewangan Islam dicerminkan oleh pertumbuhannya yang kukuh, penambahan rangkaian produk dan perkhidmatan serta penubuhan penyedia perkhidmatan kewangan Islam baharu dari seluruh pelosok dunia, termasuk negara-negara bukan Islam. Penyertaan lebih giat ini amat ketara dalam pasaran sukuk, dan penerbit dari pelbagai ceruk dunia telah berjaya memperoleh dana. Terbitan sukuk dalam mata wang tempatan

dan mata wang asing baru-baru ini telah menarik minat banyak pelabur dari Asia, Eropah dan Timur Tengah. Perkembangan positif ini dapat dicapai meskipun persekitaran pasaran kewangan global menjadi semakin mencabar.

Ketika kewangan Islam melalui proses pembaharuan untuk memenuhi keperluan perniagaan dan pelanggan yang sentiasa berubah, inovasi dalam pembangunan produk dan perkhidmatan baharu kewangan Islam amat penting. Namun begitu, inovasi kewangan tanpa had boleh menjadi sumber ketidakstabilan utama dalam sistem kewangan. Dalam kewangan Islam, inovasi kewangan perlu diuji dengan 'Maqasid al-Shariah' (matlamat Syariah), iaitu mengutamakan matlamat manfaat untuk rakyat. Langkah ini menuntut penghayatan mendalam prinsip Syariah dalam urus niaga kewangan Islam, baik dari segi bentuk mahupun inti patinya. Malah, langkah untuk merangkumkan inovasi berlandaskan Syariah memerlukan budaya kepatuhan Syariah yang kuat dalam institusi kewangan Islam. Ini seterusnya memastikan proses pembangunan produk dalam kewangan Islam berlandaskan tuntutan Syariah yang turut menekankan tawaran nilai yang beretika.

Inovasi kewangan juga perlu disokong oleh pengurusan risiko yang teguh dan amalan tadbir urus yang mantap. Sememangnya diakui bahawa struktur kewangan yang canggih dan kompleks lazimnya menyebabkan pelanggan, pelabur dan pengawal selia gagal memahami risiko dan manfaat yang wujud dalam instrumen, yang seterusnya mengakibatkan kurangnya ketelusan dan pengurusan risiko. Dalam kewangan Islam, satu prasyarat di bawah pengaturan perkongsian risiko ialah mempunyai maklumat yang perlu untuk memahami risiko yang bakal ditanggung oleh institusi kewangan Islam. Elemen perkongsian risiko yang jelas antara pembiaya dengan pelanggan dalam kewangan Islam mewajibkan pesertanya menilai profil risiko produk atau cadangan pelaburan, trend dasar dalam perolehan dan aliran tunai, dan potensi untuk menjana pendapatan. Proses ini juga membolehkan penentuan harga dana dapat diselaraskan dengan sewajarnya.

Keupayaan institusi kewangan Islam untuk menguruskan risiko yang khusus bagi urus niaga kewangan Islam turut memainkan peranan penting. Misalnya, modal tambahan diperlukan untuk menampan kesan risiko inventori aset dasar dan kedudukan ekuiti yang wujud dalam kontrak perkongsian. Melalui cara ini, keperluan modal adalah lebih sepadan dengan risiko ekonomi sebenar dalam portfolio institusi kewangan. Bagi memenuhi jangkaan penyimpan dan mengekalkan keyakinan pasaran, bank-bank Islam turut dibenarkan menyimpan sebahagian daripada pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai di bawah kontrak Mudarabah, dalam bentuk rizab penyamaan keuntungan (profit equalisation reserves, PER) sebagai mekanisme untuk menampung impak pulangan mereka yang turun naik. Langkah ini diperkukuh oleh tadbir urus yang lebih mantap dan ketelusan yang lebih tinggi dalam mengendalikan hubungan yang berlandaskan amanah, iaitu ciri asas kewangan Islam.

Globalisasi yang lebih meluas dan integrasi yang lebih mendalam antara sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa dijangka meningkatkan risiko penularan daripada pasaran dan negara lain. Di samping itu, kewangan Islam juga dijangka terjejas oleh kesan peringkat kedua ekoran pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan mudah tunai global yang berkurang. Dalam persekitaran ini, infrastruktur pengurusan mudah tunai yang berfungsi dengan baik amat penting untuk memperkukuh keupayaan institusi kewangan Islam menguruskan kedudukan mudah tunai masing-masing dengan berkesan. Apa yang penting ialah terdapat banyak instrumen pasaran kewangan Islam berlandaskan Syariah bagi memudahkan pengurusan mudah tunai. Penggunaan instrumen tersebut untuk melaraskan baki portfolio dalam kaedah yang berlandaskan Syariah dapat memastikan risiko mudah tunai boleh diuruskan dengan berkesan.

Pasukan Petugas Pengurusan Mudah Tunai (Liquidity Management Task Force) telah ditubuhkan oleh IFSB dan IDB awal tahun ini sebagai sebahagian daripada usaha kerjasama global untuk mempertingkat kecekapan institusi kewangan Islam dalam menguruskan mudah

tunai dalam negeri dan merentas sempadan. Usaha ini diperlengkap oleh inisiatif pasaran yang berterusan oleh Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (International Islamic Financial Market, IIFM) yang menumpukan pada kemajuan dan penyeragaman instrumen kewangan Islam bagi pasaran modal dan pasaran wang Islam. Malaysia baru-baru ini telah menubuhkan Bursa Suq Al-Sila' di bawah konsep murabahah komoditi. Bursa pelbagai mata wang dan komoditi ini merupakan platform dagangan bursa elektronik untuk memudahkan dagangan dan penyelesaian urus niaga komoditi dengan menggunakan minyak sawit mentah bagi pengurusan mudah tunai antara pusat kewangan Islam. Meskipun Malaysia telah mempunyai pasaran wang antara bank Islam yang cekap, bursa ini menyediakan alternatif lain bagi pengurusan mudah tunai. Melalui bursa ini juga, kesalinghubungan global dalam sistem kewangan Islam antarabangsa dapat dipertingkatkan.

Langkah mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan kewangan Islam juga merupakan sebahagian daripada usaha membangunkan kewangan Islam. Dalam bidang piawaian kehematan antarabangsa bagi kewangan Islam, IFSB yang ditubuhkan pada tahun 2002 telah menghasilkan beberapa piawaian, daripada piawaian yang berkaitan dengan keperluan kecukupan modal hinggalah kepada tadbir urus dan pengurusan risiko. Kesemua piawaian tersebut bertujuan untuk membantu institusi kewangan Islam menerima pakai amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

Meskipun rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan asas yang mengambil kira ciri tersendiri kewangan Islam telah pun sedia ada, infrastruktur yang lebih komprehensif diperlukan untuk menghadapi cabaran semasa. Memandang jauh ke hadapan, rangka kerja pengurusan krisis bersepadu perlu dihasilkan sebagai sebahagian daripada infrastruktur untuk memastikan sebarang krisis yang muncul dalam sistem kewangan Islam dapat diurus dengan pantas dan berkesan. Rangka kerja undang-undang yang lebih mudah dan moden juga diperlukan bagi menjadikan urus niaga lebih kondusif untuk kewangan Islam. Di samping itu, sempadan rangka kerja pengawalseliaan kewangan Islam juga perlu disesuaikan dari semasa ke semasa supaya sejajar dengan perubahan dan pembaharuan sistem kewangan. Di Malaysia, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan kewangan Islam yang komprehensif turut disokong oleh rangka kerja jaringan keselamatan kewangan yang merangkumi kemudahan pemberi pinjaman usaha akhir (lender of last resort) dan sistem insurans deposit.

Sambil kita melangkah ke hadapan selepas krisis kewangan global ini, kita perlu mewujudkan pengaturan keinstitusian bagi mencari penyelesaian untuk institusi kewangan Islam antarabangsa yang bermasalah. Di Malaysia, kami juga menyediakan mekanisme penyelesaian yang dimandatkan untuk menghasilkan penyelesaian pantas, cekap dan berkesan kos bagi institusi kewangan Islam. Walau bagaimanapun, krisis semasa menuntut supaya mekanisme kerjasama antara pengawal selia merentas negara diwujudkan untuk mendapatkan penyelesaian dan membendung kemungkinan berlakunya risiko sistemik yang melangkaui sempadan negara. Bagi menggalakkan kestabilan kewangan global dalam sistem kewangan Islam, Pasukan Petugas untuk "Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global" telah ditubuhkan pada tahun 2008 oleh IDB dengan kerjasama IFSB, dengan penyertaan pemimpin industri dan pakar antarabangsa. Pasukan Petugas ini akan meneliti pembangunan selanjutnya pelbagai infrastruktur kewangan Islam untuk memperkukuh ketahanan dan kemampuannya untuk menghadapi cabaran akan datang. Dalam hal ini, kemajuan yang menggalakkan telah dicapai oleh Pasukan Petugas ini dan satu laporan yang mengandungi saranan penting dijangka dikemukakan kepada Majlis IFSB pada bulan November tahun ini. Antara perkara yang terkandung dalam laporan tersebut termasuklah pelaksanaan dan penguatkuasaan piawaian kehematan yang berkesan, rangka kerja penyeliaan, pengukuhan mekanisme jaringan keselamatan kewangan dan pembangunan rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis yang berkesan. Laporan tersebut turut menyatakan saranan bagi penubuhan Forum Kestabilan Kewangan untuk menangani isu kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

Proses mengantarabangsakan kewangan Islam memerlukan industri bergerak maju ke peringkat penerimaan antarabangsa yang seterusnya, dengan saling pengiktirafan terhadap piawaian dan produk kewangan merentas negara. Malah, dalam bidang Syariah, telah pun wujud pertumpuan pendapat dan fatwa Syariah secara progresif, dan saling pengiktirafan piawaian serta produk kewangan merentas negara. Langkah yang berterusan ini bakal menjadi pemacu penting ke arah pertumpuan dan pengharmonian yang lebih tinggi. Jalinan hubungan dan perbincangan yang lebih meluas dalam kalangan pengawal selia, pengamal dan cendekiawan kewangan Islam merentas negara telah banyak membantu usaha pertumpuan dan pengharmonian tersebut. Faktor ini penting memandangkan matlamat bersama ialah kestabilan kewangan global.

Pengumuman yang dibuat susulan Persidangan G20 baru-baru ini dan kenyataan berkaitan yang dikeluarkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan mencerminkan kerjasama kawal selia ekonomi antarabangsa yang akan menentukan agenda badan penetapan piawaian konvensional dalam menghasilkan rangka kerja pengukuhan piawaian kawal selia antarabangsa. Ini juga akan membentuk asas penilaian yang akan dilaksanakan oleh agensi multilateral seperti IMF. Oleh itu, perbincangan dengan badan yang menetapkan piawaian kehematan untuk kewangan Islam adalah penting bukan sahaja untuk meningkatkan kesedaran tentang sama ada piawaian konvensional baharu yang diperkenalkan boleh digunakan dalam kewangan Islam dan sama ada modifikasi perlu dibuat, tetapi juga tentang kemungkinan wujudnya kesan yang tidak dirancang.

Faktor yang sama penting ialah pengiktirafan terhadap piawaian yang dikeluarkan khusus untuk kewangan Islam oleh IFSB. Sebagai komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan antarabangsa, penglibatan dan hubungan antara badan penetapan piawaian antarabangsa harus dipertingkatkan, memandangkan matlamat bersama ialah kestabilan kewangan global.

Sebagai kesimpulan, meskipun kekukuhan dalaman kewangan Islam telah menyumbang kepada daya maju dan daya tahannya, asas kemampanannya sebagai bentuk pengantaraan kewangan yang berdaya saing akan terus diperkuat pada masa akan datang. Usaha bersepadu sedang digembleng dengan menumpukan pada pembangunan pasaran kewangan Islam, infrastruktur kewangannya, serta pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan untuk menyokong inovasi kewangan Islam. Selain itu, usaha untuk mempertingkat rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan juga giat dijalankan. Dalam memajukan lagi kewangan Islam, langkah memanfaatkan kemajuan teknologi dan pembangunan modal insan juga dilaksanakan. Akhirnya, seiring dengan liberalisasi yang lebih meluas, infrastruktur yang berkesan juga diwujudkan untuk meningkatkan kesalinghubungan antara negara. Komponen penting dalam usaha ini ialah pengaturan yang lebih inklusif bagi meningkatkan hubung kait usaha reformasi yang sedang dijalankan dalam sistem kewangan antarabangsa. Usaha dan iltizam kita yang bersungguh-sungguh untuk memperkukuh daya tahan industri kewangan Islam akan meningkatkan potensinya untuk menyumbang kepada kestabilan kewangan global dan seterusnya mencerahkan prospek pertumbuhan global.

Persidangan ASEM - "Strategi Pembangunan Baharu Asia: Kini ke Mana?" Kuala Lumpur, 19 Oktober 2009

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Asia, yang didiami lebih separuh daripada penduduk dunia dan merupakan salah sebuah rantau yang penuh dengan kepelbagaian, telah melalui pengalaman yang luar biasa dalam pembangunan ekonomi sepanjang lebih daripada setengah abad. Walaupun dilanda kemelut dari semasa ke semasa, Asia, secara umumnya, berjaya mencapai dan mengekal kadar pertumbuhan yang tinggi sepanjang tempoh itu, melalui transformasi yang pesat dalam struktur ekonominya dan beralih daripada ekonomi yang berasaskan pertanian kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan moden yang intensif modal. Negara Asia, yang dahulunya terdiri daripada negara miskin dan kurang membangun selepas Perang Dunia Kedua, kini diwakili oleh lima daripada dua puluh ekonomi terbesar di dunia dan beberapa ekonominya adalah antara ekonomi yang paling pesat berkembang dan menyumbang kira-kira satu pertiga daripada keluaran global dan perdagangan dunia.

Matlamat pembangunan ekonomi, bagaimanapun, bukanlah semata-mata berasaskan perdagangan, kewangan ataupun kekayaan. Pembangunan ekonomi pada dasarnya adalah berkaitan dengan kebajikan rakyat, iaitu pertumbuhan ekonomi hanya sebagai wahana untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik secara berterusan. Asia turut mencapai kemajuan yang ketara dalam konteks ini. Perkembangan pesat Asia mendorong kenaikan lebih daripada empat kali ganda pendapatan per kapita purata, serta mengeluarkan lebih daripada 500 juta orang daripada belenggu kemiskinan dan kemelaratan sejak tahun 1980-an. Kadar kemiskinan di Asia telah menurun dengan mendadak daripada 80% pada tahun 1981 kepada 16% daripada jumlah keseluruhan penduduk pada tahun 2005. Selain keadaan sosial yang asas menambah baik dengan ketara, kemajuan yang nyata juga dicapai dengan usaha menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti. Sementara penduduk bandar di Asia telah meningkat lebih enam kali ganda, purata jangka hayat telah meningkat sebanyak 25 tahun kepada 72 tahun dan kadar celik huruf purata melebihi 90%. Apa yang membuatkan pencapaian ini luar biasa adalah kerana semuanya dicapai dalam tempoh masa yang secara relatif singkat, iaitu kurang daripada dua generasi.

Kertas kerja ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama meninjau strategi pembangunan yang telah menyumbang kepada kejayaan transformasi ekonomi Asia pada tempoh pasca-Perang Dunia kedua, dengan penekanan khusus pada dekad yang mutakhir ini, iaitu selepas krisis kewangan Asia. Kertas kerja ini kemudiannya membincangkan secara umum bagaimana strategi pembangunan Asia perlu disesuaikan untuk melangkah ke hadapan terutamanya dalam keadaan krisis global semasa yang telah membawa perubahan yang ketara kepada persekitaran ekonomi dan kewangan global.

STRATEGI PEMBANGUNAN ASIA SEPANJANG 50 TAHUN YANG LALU

Asia pada tempoh pasca-Perang Dunia kedua

Apa yang luar biasa tentang prestasi Asia ialah kadar pertumbuhan yang dicapai oleh ekonomi-ekonomi Asia yang berprestasi terbaik adalah secara relatifnya tinggi apabila dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi yang menjadi juara pada era terdahulu (Rajah 1). Transformasi yang pesat di Asia diterajui oleh tiga pendorong pertumbuhan global sejak 50 tahun yang lalu, bermula dengan Jepun pada tahun 1950-70-an, Korea dari tahun 1970-an dan RR China pada masa ini. Kadar pertumbuhan per kapita tahunan purata mereka sebanyak 6-8% setahun belum

Rajah 1
Asia MEMANG berbeza - Sejarah pengalaman pertumbuhan



* KDNK per kapita ASEAN-5 tidak termasuk angka tahun 1998

Sumber: Maddison (2001), World Bank (World Development Indicators), Penn World Table Version 6.3

pernah dicapai dalam sejarah dan jauh melebihi kadar yang dicapai oleh ekonomi-ekonomi maju sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali ganda, jika dibandingkan semasa tempoh awal pembangunan ekonomi itu. ASEAN-5 juga mencatat kadar pertumbuhan tahunan lebih dua kali ganda daripada purata pertumbuhan dunia sepanjang dua dekad yang lalu. Namun demikian, prestasi pertumbuhan ekonomi Asia tidak banyak berbeza daripada ekonomi-ekonomi lain. Asia juga mengalami proses perindustrian yang sama, iaitu melalui proses peralihan daripada aktiviti tradisional kepada aktiviti moden, serta daripada pengeluaran barangan nilai ditambah yang rendah kepada produk nilai ditambah yang lebih tinggi secara berperingkat sehingga akhirnya beralih kepada sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, yang membezakan Asia daripada rantau yang lain ialah proses ini berlaku dengan begitu pesat.

Kejayaan Asia bukanlah hasil daripada satu faktor sahaja, tetapi sebaliknya, merupakan gabungan faktor yang telah menggalakkan, memudahkan dan mendorong pembangunan ekonomi. Memandangkan kepelbagaian di benua Asia, maka tidak mungkin dapat digariskan dengan tepat dan khusus strategi pembangunan yang telah memberikan sumbangan kepada kemajuan dan transformasi ekonomi yang pesat. Namun demikian, terdapat empat ciri umum yang penting dalam strategi pembangunan sebahagian besar ekonomi Asia.

Pertama, pertumbuhan ekonomi yang berterusan sentiasa diberikan keutamaan oleh ekonomi-ekonomi Asia. Kerajaan di kebanyakan negara di Asia Tenggara dan di Asia Timur telah memberikan tumpuan pada pembangunan keinstitusian dan usaha menggalakkan perindustrian. Institusi-institusi telah diwujudkan untuk merancang, memacu dan memantau penyediaan asas-asas ekonomi yang diperlukan, termasuk infrastruktur yang menyokong ekonomi yang lebih luas, sementara pada masa yang sama halangan-halangan yang berkemungkinan berlaku telah ditangani. Institusi-institusi ini pada hakikatnya bertujuan menggalakkan

suatu persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan. Tidak kurang pentingnya ialah institusi-institusi untuk memastikan kestabilan ekonomi makro dan kewangan, dan juga untuk menggalakkan penyertaan semua pihak dan kestabilan sosioekonomi. Bagi mempercepat pergerakan sumber daripada aktiviti tradisional kepada aktiviti moden dalam ekonomi perindustrian baharu di Asia (Korea, China Taipei, Hong Kong dan Singapura), dasar perindustrian telah disasarkan pada usaha meningkatkan kecekapan, produktiviti yang tinggi dan daya saing. Pada peringkat awal, insentif dan beberapa perlindungan dalam negeri memainkan peranan penting bagi merancakkan proses perindustrian. Ciri-ciri ini merupakan contoh pengalaman yang dilalui oleh Jepun dan ekonomi-ekonomi perindustrian Asia yang baharu, dan kemudiannya, dalam ekonomi-ekonomi Asia yang lain seperti ASEAN dan RR China.

Walaupun Kerajaan Asia secara langsung terlibat dalam pembangunan ekonomi, penekanan adalah terhadap pertumbuhan yang diterajui sektor swasta, terutamanya selepas asas-asas perindustrian dan infrastruktur telah tersedia. Peranan Kerajaan adalah untuk menyokong sektor swasta melalui penyediaan persekitaran yang membolehkan sektor swasta melakukan kegiatan yang lebih tinggi produktivitinya, dengan pengeluaran barangan dan perkhidmatan sebenar akhirnya akan didorong oleh sektor swasta. Kerajaan, bersama-sama dengan institusi-institusi utama, menggariskan rancangan perindustrian dan menetapkan sasaran sebagai panduan proses perindustrian untuk dilaksanakan oleh sektor swasta bagi merealisasikan matlamat ini.

Ciri penting yang kedua ialah kadar tabungan Asia yang tinggi, melebihi 30% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) di kebanyakan ekonomi Asia, yang telah membolehkan sektor awam dan swasta membiayai pemerolehan modal daripada sumber-sumber dalam negeri. Sementara sektor swasta memberikan tumpuan pada pelaburan dalam modal fizikal dan menggunakan teknologi baharu untuk meningkatkan kecekapan produktiviti, kerajaan di rantau Asia memberi penekanan yang sewajarnya pada pembangunan infrastruktur,

Rajah 2
Peningkatan kepentingan Asia dalam ekonomi dunia

Keluaran Dalam Negara Kasar

Bahagian daripada keluaran dunia
(%, pariti kuasa beli)



Perdagangan Antarabangsa

Bahagian daripada jumlah perdagangan
(%, USD)



Pelaburan Langsung Asing (FDI)

Bahagian daripada aliran masuk FDI dunia
(%, USD)



Sumber: IMF, WTO dan UNCTAD

seperti jalan raya, pelabuhan dan utiliti, serta penjagaan kesihatan dan pendidikan. Kombinasi modal yang cekap dan tenaga kerja yang produktif telah menghasilkan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi, seterusnya mempercepat pertumbuhan ekonomi.

Ketiga, pembangunan ekonomi Asia adalah berorientasikan pandang ke luar dan tidak hanya bergantung pada permintaan dalam negeri bagi meningkatkan pengeluaran perindustrian. Hanya lima dekad yang lalu, Asia adalah antara rantau termiskin di dunia. Asia menyedari bahawa proses pembangunannya akan menjadi lambat dan perlahan sekiranya ia hanya bergantung pada permintaan dalam negeri yang didorong oleh pendapatan yang rendah untuk merangsang aktiviti perindustriannya. Asia telah mempercepat pergerakan sumber daripada aktiviti tradisional yang berproduktiviti rendah kepada aktiviti moden yang berproduktiviti tinggi. Sebahagian besar Asia, antara ekonomi sedang membangun yang terawal, sangat terbuka kepada perdagangan antarabangsa dan pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI). Keadaan ini menyebabkan Asia cepat berintegrasi dengan ekonomi global. Jumlah sumbangan perdagangan Asia kepada jumlah perdagangan dunia meningkat daripada 14% pada tahun 1970 kepada 22% pada tahun 1990, dan kemudiannya kepada 28% pada tahun 2008. Selain itu, Asia juga menjadi penerima utama FDI, dengan aliran masuk FDI ke Asia meningkat sebanyak 7% kepada 20% daripada jumlah FDI global pada tahun 2007.

Keempat, ketidakseragaman dan kepelbagaian ekonomi Asia yang ketara tidak menjadi penghalang kepada kemajuan, malah telah melengkapi dan mempermudah pembangunan ekonomi serantau. Perbezaan besar dalam tahap pembangunan ekonomi Asia, iaitu daripada negara Jepun yang maju kepada RR China yang sedang pesat membangun sehinggalah Vietnam yang sedang membangun, di samping pempelbagaian sumber semula jadi dan endowmen yang kaya di seluruh rantau ini, telah membolehkan Asia untuk memanfaatkan kekuatan dan kelebihan berbanding yang banyak. Secara khusus, terdapat tahap pembangunan dan keupayaan teknologi yang berbeza di rantau ini, yang dikenali umum sebagai *Flying Geese Model*. Pembahagian pekerja yang khusus seperti ini jelas berlaku pada tahun 1970-an apabila Jepun memindahkan semula peringkat proses pengeluaran yang lebih intensif pekerja kepada ekonomi perindustrian baharu Asia, seperti Korea dan Singapura, dan kemudiannya pada 1980-an, kepada ekonomi yang sedang membangun di Asia, termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand. Kemunculan RR China pada dekad mutakhir ini terus memberi dorongan yang nyata kepada corak pengkhususan menegak (vertical specialization) ini, yang secara efektif telah menyebabkan berlakunya globalisasi dalam rantaian pengeluaran di seluruh rangkaian ekonomi serantau. Sementara perindustrian di Asia yang tidak sekata telah menyebabkan kekukuhan hubungan perdagangan dalam rantau ini, pemindahan modal, pengetahuan dan teknologi yang kritikal bagi memperkukuh keupayaan perindustrian juga telah dipertingkatkan.

Asia selepas Krisis Kewangan Asia

Krisis kewangan Asia 1997-98 merupakan titik penting dalam sejarah Asia. Krisis itu telah mendedahkan beberapa kelemahan struktur ekonomi dalam negara Asia dan arkitektur kewangan global. Menyedari kesalinghubungan dan risiko yang makin meningkat, pelbagai inisiatif baharu di peringkat negara dan serantau, di samping pembangunan institusi yang kukuh dan tadbir urus yang baik, diperkenalkan pada tempoh pascakrisis untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi Asia dan meminimumkan risiko sistemik serantau bagi memastikan pembangunan ekonomi yang lebih mapan. Apabila ditinjau kembali, krisis Asia bukan merupakan suatu noktah, tetapi suatu permulaan untuk penyertaan yang lebih besar bagi Asia dalam landskap global.

Akibat daripada krisis, Asia telah melaksanakan reformasi kewangan yang luas, yang bertujuan mewujudkan sistem kewangan yang lebih stabil, berdaya tahan dan cekap. Ini termasuk penstrukturan semula dan pembangunan keinstitusian untuk memperkukuh daya tahan sektor kewangan. Antara lain, rejim pengawalseliaan yang kukuh telah diwujudkan, peraturan berhemat diperkuat, tadbir urus

Rajah 3
Pendalaman kewangan yang lebih cepat di Asia berbanding dengan AS atau EU



Sumber: Bank Pembangunan Asia (2008)

Nota: Asia bersepadu merujuk kepada 11 ekonomi yang mana data mengenai pasaran kewangan boleh didapati; RR China; Hong Kong, China; India; Indonesia; Japan; Korea Selatan; Malaysia; Filipina; Singapura; Taiwan and Thailand. Kesatuan Eropah merujuk kepada 15 ahli pertama.

korporat dan penzahiran kewangan ditambah baik dan deposit insurans diperkenalkan. Dengan sistem kewangan domestik bertambah kukuh, persekitaran sektor perbankan telah menjadi semakin kompetitif melalui nyahpengawalseliaan dan liberalisasi yang dilaksanakan secara berperingkat. Di samping itu, usaha juga telah difokuskan pada pembangunan pasaran modal, khususnya pasaran bon, yang juga mengurangkan kebergantungan yang berlebihan pada sektor perbankan sebagai sumber pembiayaan bagi syarikat-syarikat besar. Hal ini telah mendorong sektor perbankan untuk memperluas akses kredit kepada peserta-peserta ekonomi yang lain. Secara keseluruhan, sistem kewangan yang pada suatu ketika didominasi oleh sektor perbankan telah menjadi lebih pelbagai dan kompetitif dengan tadbir urus, penzahiran dan pengawalseliaan yang kukuh. Pengukuhan kewangan Asia adalah lebih cepat berbanding dengan EU atau AS, walaupun bermula daripada asas yang lebih rendah. Bahagian pasaran bon Asia kepada KDNK pada hari ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan EU.

Pada peringkat serantau, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan intrarantau sejak seawal tahun 1990-an. Sebagai contoh, pada tahun 1992, Kawasan Perdagangan Bebas Asia, (ASEAN Free Trade Area, (AFTA) dilancarkan untuk mengurangkan tarif intra-ASEAN kepada 0-5% di bawah Tarif Keistimewaan Efektif Bersama (Common Effective Preferential Tarif, CEPT), dengan sasaran untuk mewujudkan kawasan perdagangan yang bebas tarif menjelang tahun 2015. Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (ASEAN Framework Agreement on Services, AFAS) juga ditandatangani pada tahun 1995 untuk menghapuskan sekatan-sekatan intra- ASEAN dalam perdagangan perkhidmatan dan memudahkan aliran perkhidmatan yang bebas menjelang tahun 2015. Selanjutnya, pada tahun 1998, Kawasan Pelaburan ASEAN (ASEAN Investment Area, AIA) telah diwujudkan bagi menggalakkan aliran yang lebih pesat dari segi modal, tenaga kerja mahir, kepakaran profesional dan teknologi di rantau ini. Inisiatif yang pelbagai ini ditingkatkan lagi selepas krisis Asia, dengan

berbagai-bagai perjanjian perdagangan bebas (FTA) pesat dilaksanakan antara ASEAN dengan ekonomi-ekonomi Timur Laut Asia, iaitu RR China, Jepun dan Korea. Pada bulan April tahun ini, FTA antara ASEAN dengan RR China telah diperluas untuk merangkumi penghapusan sekatan-sekatan pelaburan daripada sekatan terhadap perdagangan barangan sahaja sejak tahun 2004 dan sekatan terhadap perkhidmatan sahaja sejak tahun 2007. Langkah ini telah mewujudkan kawasan perdagangan bebas terbesar di dunia dengan penduduk seramai 1.8 bilion dan keluaran dalam negeri kasar sebanyak USD2 trilion. Selain itu, rundingan mengenai FTA antara ASEAN dengan Jepun, Korea, serta India, Australia dan New Zealand juga telah dimulakan.

Hasil daripada inisiatif perdagangan dan pelaburan serantau ini, pasaran eksport Asia telah dipelbagaikan dengan perdagangan intrarantau menjadi bertambah penting. Bahagian perdagangan intrarantau di Asia Selatan, Asia Timur dan Asia Tenggara kepada jumlah perdagangan bagi ketiga-tiga rantau ini telah meningkat daripada 25% pada tahun 1980 kepada 44% pada tahun 2006. Lebih khusus lagi, pertumbuhan perdagangan intrarantau Asia Timur 9 (East Asia-9, EA-9) adalah lebih tinggi pada 17% berbanding dengan jumlah perdagangan serantau (15%) dan perdagangan dunia (12%) bagi tempoh 1999-2008. Walaupun bahagian perdagangan EA-9 dengan AS kepada jumlah keseluruhan perdagangan rantau ini telah menurun daripada 17% pada tahun 1990 kepada 11% pada tahun 2008, perdagangan intrarantau telah meningkat daripada 28% kepada 39% pada tempoh yang sama. Secara keseluruhan, jumlah perdagangan intrarantau di Asia Tenggara dan Asia Timur adalah sama jumlahnya seperti perdagangan intrarantau di Eropah dan Amerika Utara, jumlah yang jauh lebih besar berbanding dengan kedua-dua rantau tersebut, pada permulaan usaha pengintegrasian mereka. Perkembangan ini mencerminkan pengukuhan hubungan perdagangan dan pelaburan yang lebih meluas antara rantau Asia.

Yang lebih ketara dalam dekad kebelakangan ini ialah usaha serantau yang menjangkau bidang perdagangan dan pelaburan, iaitu ke arah kerjasama kewangan yang lebih kukuh.

Rajah 4

Bahagian eksport intrarantau Asia telah meningkat

Perdagangan intrarantau sebagai bahagian daripada jumlah perdagangan serantau



Sumber: Datastream

Kepentingan kerjasama kewangan serantau telah diakui, bukan hanya untuk menyediakan platform bagi pembangunan serantau melalui penyaluran sebahagian daripada tabungan yang tinggi di Asia untuk dilaburkan di Asia, tetapi juga sebagai pelindung daripada ketidaktentuan pasaran global. Usaha yang meluas kini telah dilaksanakan dalam bidang pengawasan, pengaturan sokongan mudah tunai, rangka kerja pengurusan krisis, pembangunan pasaran kewangan dan infrastruktur kewangan lain, liberalisasi akaun modal, liberalisasi perkhidmatan kewangan, pembangunan sistem pembayaran dan penyelesaian serantau, serta latihan dan bina upaya.

Secara am, pengawasan ekonomi dan kewangan yang bertujuan untuk mengenal pasti sumber-sumber risiko dan kelemahan serantau telah dilakukan untuk meningkatkan kewaspadaan sebagai usaha pencegahan terhadap kemungkinan berlakunya krisis kewangan dan membolehkan tindakan pembetulan yang segera. Beberapa forum, termasuk Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), ASEAN dan ASEAN +3, telah membincangkan isu-isu ini. Rangka kerja untuk membendung, mengurus dan menyelesaikan krisis serantau secara bersepadu juga telah dilaksanakan. Rangka kerja ini juga telah dilengkapkan dengan

pengaturan sokongan bersama dan mekanisme sokongan mudah tunai, seperti Inisiatif Chiang Mai (CMI) yang dilancarkan pada tahun 2000. CMI, yang terdiri daripada Pengaturan Swap ASEAN dan rangkaian pengaturan swap dua hala antara negara ASEAN +3, bertujuan untuk menyediakan sumber kewangan yang diperlukan tepat pada masanya kepada anggota yang menghadapi masalah sementara dalam imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Pada tahun 2005, telah dipersetujui semua komponen utama pengaturan, CMI akan berasaskan pengaturan pelbagai hala dan terkini pada tahun 2009, jumlah kemudahan ini telah ditingkatkan kepada USD120 bilion.

Usaha yang meluas juga telah dilakukan dalam pembangunan pasaran kewangan serantau, terutamanya untuk menjadikan pasaran bon sekunder yang lebih kukuh dan lebih cair. Dari segi penawaran, Inisiatif Pasaran Bon Asia (Asian Bond Market Initiatives, ABMI) bertujuan untuk membangunkan pasaran modal yang lebih kukuh dan lebih cair, yang memudahkan penyaluran tabungan yang besar di rantau ini untuk membiayai pelaburan yang produktif, dan seterusnya menyokong pembangunan ekonomi serantau yang berterusan. Penubuhan Mekanisme Jaminan Kredit dan Pelaburan oleh ASEAN +3 untuk menyokong terbitan bon-bon korporat dalam denominasi mata wang tempatan, dengan modal permulaan sebanyak USD500 juta, telah diumumkan baru-baru ini. Sementara itu, inisiatif Dana Bon Asia (Asian Bond Fund, ABF) memberikan tumpuan pada usaha menangani isu-isu berasaskan permintaan dengan memperluas dan memperkukuh pasaran bon domestik dan serantau melalui pengumpulan rizab untuk dilaburkan ke dalam pasaran bon serantau. Dua dana, berjumlah USD3 bilion, telah ditubuhkan untuk menjadi pemangkin kepada pengembangan pasaran.

Integrasi kewangan serantau bertambah pesat pada dekad ini. Sistem kewangan yang lebih pelbagai, di samping infrastruktur kewangan yang kukuh dan liberalisasi akaun modal telah menyebabkan pelaburan portfolio intrarantau, dalam kedua-dua hutang dan ekuiti, sebagai bahagian daripada jumlah pelaburan portfolio meningkat kepada 24% pada tahun 2007 daripada 15% pada tahun 2001. Penggabungan dan pengambilalihan (M & A) juga telah berkembang, dengan sumbangan M & A intrarantau kepada jumlah keseluruhan M & A di rantau ini meningkat kepada 47% pada tahun 2006 daripada 32% pada tahun 2004. Sebahagian besar pelaburan intrarantau ini adalah dalam sektor perkhidmatan, seperti perkhidmatan kewangan dan harta tanah. Namun, meskipun banyak kemajuan dicapai dalam integrasi kewangan di Asia, ia masih rendah berbanding dengan Kesatuan Eropah-16 (2007: menyumbang sebanyak 56% daripada jumlah pelaburan portfolio).

ASIA MELANGKAH KE HADAPAN

Krisis global semasa, yang dianggap sebagai krisis yang paling teruk dalam tempoh pasca-Perang Dunia Kedua, mendedahkan kelemahan dalam sistem global pada ketika ini. Bagi tempoh selepas krisis, landskap ekonomi dan kewangan global dijangka akan berubah dengan ketara. Walaupun tanda-tanda penstabilan kini dapat dilihat, prospek pemulihan dalam ekonomi negara maju dijangka berlaku secara beransur-ansur. Pendapat umum meramalkan ekonomi-ekonomi Asia yang sedang pesat membangun, khususnya RR China dan India, akan menerajui pemulihan ekonomi global pada masa akan datang. Beberapa faktor struktural akan menyokong pertumbuhan di Asia, termasuk reformasi untuk meningkatkan pertumbuhan dan integrasi serantau yang lebih meluas yang telah dilaksanakan sedekad yang lalu. Di samping itu, sistem kewangan Asia yang secara relatifnya lebih kukuh dan berdaya tahan, dan tidak terjejas oleh krisis kewangan global semasa, berada dalam kedudukan yang baik untuk menyediakan pembiayaan bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Sesungguhnya, trend ini akan mempercepat pembentukan landskap global yang lebih pelbagai pada masa hadapan.

Untuk kemajuan dan pembangunan yang berterusan, strategi untuk rantau Asia ialah penyesuaian mengikut perubahan landskap; memanfaatkan kekuatan serantau dan mengatasi kelemahan semasa serta risiko masa hadapan. Dua prinsip utama telah menyumbang kepada kejayaan Asia pada masa lalu, iaitu integrasi ekonomi serantau dan global dan pembangunan yang inklusif. Asia sentiasa mengamalkan dasar ekonomi yang

Rajah 5

Ke arah landskap global yang lebih pelbagai

Unjuran pertumbuhan bagi tempoh 2011-2014



Purata perubahan tahunan purata dalam pertumbuhan, %



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (World Economic Outlook 2009)

terbuka. Walaupun integrasi yang lebih meluas melangkaui sempadan negara akan diteruskan, corak integrasi akan berubah. Integrasi ini akan menjadi semakin pelbagai antara ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di Asia. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, integrasi juga perlu mengambil kira pembangunan yang inklusif.

Tiga Strategi Utama untuk Asia

Melangkah ke hadapan, terdapat tiga bidang yang sangat kritikal bagi Asia. Krisis semasa menunjukkan kesan kebergantungan Asia terhadap perdagangan dan permintaan akhir daripada ekonomi-ekonomi maju. Walaupun permintaan dalam negeri dan perdagangan intrarantau telah mula meningkat, namun, hubungan perdagangan antara rantau ini dengan komuniti global masih erat. Prestasi eksport Asia yang teruk terjejas menyebabkan ekonomi yang lebih terbuka di rantau ini dilanda kemelesetan, sementara ekonomi Asia yang lainnya mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Kemerosotan dalam perdagangan dunia adalah sejajar dengan pengurangan permintaan akhir daripada ekonomi negara maju. Dasar yang berorientasikan pandangan ke luar di seluruh Asia dan pengantarabangsaan serta integrasi menegak rantaian penawaran sektor perkilangan telah meningkatkan magnitud dan menambah kecepatan penguncupan perdagangan Asia. Oleh itu, strategi penting untuk Asia pada masa hadapan ialah **meningkatkan keseimbangan strategi pembangunan yang berorientasikan pandangan ke luar dengan usaha untuk menggalakkan peranan permintaan dalam negeri yang lebih besar.** Pempelbagaian ekonomi ini akan memperkukuh daya tahan dalam menghadapi kejutan luaran dan akan meningkatkan keseluruhan prospek pertumbuhan di Asia.

Melangkah ke hadapan, beberapa prasyarat untuk menyokong permintaan dalam negeri Asia telah pun diwujudkan. Yang pertama ialah struktur demografi yang bersesuaian, tahap pendapatan yang cepat meningkat, kekayaan yang makin meluas dan golongan menengah yang kian bertambah di sebahagian besar ekonomi Asia. RR China dan India dianggarkan mempunyai pasaran golongan menengah dalam negeri yang besar dan makin berkembang - iaitu kira-kira USD1 trilion setahun di RR China dan USD250 bilion setahun di India. Trend ini dijangka berterusan memandangkan bilangan penduduk muda yang makin meningkat di Asia dengan corak perbelanjaan yang baharu, sekali gus mendorong kebangkitan sektor runcit moden merentas rantau. Di RR China, bahagian perdagangan runcit yang terancang kepada jumlah keseluruhan perdagangan runcit telah meningkat daripada 5% pada sedekad yang lalu kepada kira-kira 17%, manakala di India, pertumbuhan pasaran runcit adalah sebanyak 7% setahun. Faktor kedua ialah kedudukan kewangan isi rumah di Asia yang secara relatifnya kukuh, dengan kadar tabungan yang melebihi 30% daripada KNK di kebanyakan ekonomi serta tahap hutang yang secara relatif rendah, dengan itu mempunyai

potensi untuk mengekalkan penggunaan yang meningkat. Ini didorong oleh keupayaan sektor kewangan untuk menyediakan pembiayaan bagi menyokong penggunaan. Dalam hal ini, Malaysia menjadi sebuah negara contoh, dengan hutang isi rumah pada 66.8% daripada KDNK pada akhir bulan Julai 2009, manakala pertumbuhan kredit sektor isi rumah terus meningkat dalam dekad mutakhir ini. Yang ketara ialah kadar pinjaman tak berbayar, iaitu ukuran kualiti aset terus rendah.

Strategi kedua ialah **pempelbagaian selanjutnya pasaran luaran, khususnya, untuk mempercepat usaha menggalakkan hubungan perdagangan serantau yang lebih luas untuk Asia.** Strategi ini juga akan mengubah komposisi perdagangan intrarantau daripada penggunaan input pengantara untuk mengeluarkan barangan permintaan akhir kepada pasaran tradisional, kepada komposisi yang lebih seimbang dengan peningkatan bahagian pengeluaran bagi memenuhi permintaan akhir di Asia. Pertama, apabila ekonomi sedang pesat membangun, khususnya Asia, telah menjadi pusat pertumbuhan yang penting, maka destinasi eksport ke pasaran Asia secara kumulatif akan berkembang pada masa hadapan. Golongan menengah Asia yang bertambah dengan cepat akan meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan akhir. Kedua, Asia dapat memanfaatkan kepelbagaiannya sebagai sumber pelengkap ekonomi. 'Flying Geese Model' menggambarkan bagaimana Asia telah, pada masa lalu, memanfaatkan pempelbagaiannya. Melangkah ke hadapan, penekanan yang sama boleh disesuaikan melalui pengeluaran barangan yang bukan semata-mata untuk permintaan akhir di luar Asia.

Integrasi kewangan sebagai strategi ketiga

Strategi ketiga ialah **menggalakkan integrasi kewangan yang lebih mendalam.** Perkara ini penting untuk kemajuan seterusnya dalam pembangunan ekonomi serantau. Integrasi kewangan umumnya berkaitan dengan mobiliti modal dan merujuk kepada sejauh mana suatu sistem kewangan dalam ekonomi saling berhubung dengan pasaran kewangan lain. Sistem kewangan yang bersepadu sepenuhnya merupakan satu sistem yang bakal peserta pasarannya dalam kedua-dua sektor perbankan dan pasaran kewangan menerima pakai satu set peraturan yang seragam, mempunyai akses yang sama dan dilayan sama rata. Ini akan dicerminkan melalui pertumpuan antarabangsa dalam harga produk dan aset kewangan, dengan kos urus niaga yang rendah, yang menggalakkan institusi, penerbit dan pelabur untuk bukan sahaja menyertai pasaran dalam negeri malah meneroka ke pasaran luar negeri. Pada dasarnya, matlamat akhir integrasi kewangan adalah untuk mewujudkan aliran kewangan dan modal yang bebas, sebanding dengan integrasi perdagangan yang bertujuan untuk mobiliti tanpa sekatan bagi barangan dan perkhidmatan. Integrasi kewangan yang lebih mendalam akan terus meningkatkan daya saing dan kedinamikan Asia.

Secara amnya, integrasi kewangan yang lebih meluas akan menghasilkan tiga manfaat utama. Pertama, integrasi kewangan menggalakkan persaingan yang lebih sengit dan ekonomi ikut bidangan dalam sistem kewangan, sekali gus meningkatkan kecekapan dalam pengagihan modal dalam rantau dan dengan itu meningkatkan keupayaan sistem kewangan untuk memenuhi permintaan pelabur yang semakin bertambah serta berbeza. Sementara pasaran kewangan Asia secara individu adalah kecil dan tidak bersepadu, pasaran yang bersepadu akan meningkatkan daya tarikan Asia terhadap pelabur serantau dan global. Kedua, integrasi kewangan akan memudahkan pemindahan dana yang berlebihan dengan lebih efisien untuk dilaburkan di rantau ini, dengan kos pengantaraan yang lebih rendah serta memberikan pulangan yang lebih optimum. Melalui peluang yang lebih besar untuk perkongsian risiko dan pempelbagaian merentas kawasan geografi yang lebih luas, kejutan-kejutan yang khusus bagi sesebuah negara dan kelemahan kewangan akan dikurangkan. Ini menyumbang kepada peningkatan kestabilan kewangan di rantau ini. Ketiga, integrasi kewangan membolehkan negara-negara berkembang berdasarkan saling melengkapi antara negara. Secara individu, sistem kewangan yang berlainan boleh

memanfaatkan kelebihan berbanding pelbagai pasaran yang ada di rantau ini. Oleh itu, dengan integrasi yang lebih meluas, negara-negara di rantau Asia dapat memperluas produk dan perkhidmatan kewangan mereka.

Pada peringkat ini, integrasi kewangan serantau sangat penting kepada pembangunan ekonomi Asia. Sesungguhnya, pasaran kewangan yang lebih bersepadu di rantau ini akan memacu Asia ke tahap pembangunan ekonomi yang lebih tinggi. Pertama, meskipun kebanyakan ekonomi Asia mempunyai lebihan dana yang besar, terdapat juga banyak keperluan pembangunan ekonomi di Asia, yang merangkumi pembangunan infrastruktur yang lebih maju termasuk pengangkutan, penjagaan kesihatan dan pendidikan, memerlukan pembiayaan yang besar. Namun, keperluan pembiayaan yang tidak sepadan merupakan suatu perkara yang selalu berlaku. Dalam hal ini, sistem kewangan serantau yang lebih bersepadu akan membolehkan **pemadanan yang lebih baik antara tabungan dengan pelaburan di rantau ini, sekali gus membolehkan penyaluran tabungan yang tinggi di Asia untuk kegunaan yang produktif dalam rantau** bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan di rantau ini.

Kedua, sektor perdagangan yang besar dan berkembang di Asia menyediakan pasaran yang lebih luas untuk perkhidmatan kewangan. Kemudahan untuk memperoleh akses kepada kredit melalui integrasi kewangan, pengkhususan dan manfaat ekonomi ikut bidangan akan menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan yang kian meningkat. Selain itu, pembangunan pasaran modal serantau dalam hutang dan ekuiti memberikan peluang yang lebih besar bagi syarikat-syarikat untuk memperoleh modal yang diperlukan untuk pengembangan industri pada masa hadapan. Lebih penting lagi, penghasilan barangan dan perkhidmatan dengan nilai ditambah yang lebih tinggi memerlukan lebih banyak kredit bagi memperoleh kelengkapan dan teknologi pengeluaran yang lebih canggih. Oleh itu, peranan kewangan luaran menjadi semakin penting untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan serantau ketika ekonomi sedang menuju ke arah tahap pembangunan yang lebih tinggi. Dengan itu, integrasi kewangan serantau yang lebih mendalam akan **memudahkan trend perdagangan dan pelaburan intrarantau yang makin berkembang di Asia.** Ketiga, Asia didiami oleh lebih separuh daripada penduduk dunia, dengan golongan menengah dan penduduk muda yang kian bertambah di rantau ini. Ini mewakili **pasaran yang amat berpotensi bagi produk dan perkhidmatan kewangan. Kadar tabungan yang tinggi juga menandakan terdapat jumlah pelabur tempatan yang besar.**

Walaupun kerjasama serantau yang meluas telah dimulakan dan dilaksanakan melalui liberalisasi sistem kewangan Asia dan dalam pembangunan infrastruktur kewangan, masih ada beberapa bidang yang memerlukan usaha untuk mengukuhkan lagi integrasi kewangan di Asia. Empat bidang yang penting itu termasuklah liberalisasi sektor kewangan, liberalisasi akaun modal, sistem pembayaran dan penyelesaian serantau dan kerjasama dalam kalangan pengawal selia dan bank pusat. Keutamaan-keutamaan ini, bagaimanapun, perlu mengambil kira pempelbagaian dalam ekonomi-ekonomi di rantau Asia, dari segi tahap perkembangan kedua-dua sistem kewangan dan ekonomi yang lebih meluas. Oleh itu, reformasi perlu disusun atur dan disejajarkan kepada kepelbagaian dalam ekonomi tersebut.

Pertama ialah liberalisasi yang selanjutnya dalam perkhidmatan kewangan bagi membolehkan penyertaan yang lebih nyata institusi-institusi serantau dalam pasaran domestik masing-masing, yang akan memudahkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan di rantau ini. Selain komitmen dalam Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Perkhidmatan (General Agreement on Trade in Services, GATS), had-had lesen, rangkaian cawangan, bahagian pemilikan saham dan hak mengundi masih kekal dalam sebahagian besar sektor kewangan Asia pada masa ini. Penghapusan sekatan-sekatan ini secara beransur-ansur untuk menarik penyertaan institusi kewangan dan pelabur Asia yang lebih besar dalam ekonomi masing-masing, akan mempermudah proses integrasi.

Kedua, dasar meliberalkan akaun modal dalam imbangan pembayaran secara berperingkat akan memudahkan lebih banyak pelaburan merentas sempadan dan aliran modal. Ini membolehkan syarikat-syarikat dan para pelabur memanfaatkan pasaran kewangan di rantau ini bagi mencari kos yang terendah dan pulangan terlaras risiko yang tertinggi. Tidak kurang penting ialah perlindungan kehematan yang bersesuaian bagi menguruskan aliran jangka pendek dan supaya proses liberalisasi disusun atur dengan wajar dan berdasarkan sistem kewangan domestik yang berfungsi dan dikawal selia dengan baik serta mencapai tahap kemajuan yang berpatutan.

Ketiga, oleh sebab sistem pembayaran dan penyelesaian di sebahagian besar pasaran Asia secara relatifnya maju, peningkatan hubungan dalam sistem pembayaran antara negara akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos urus niaga kewangan di rantau ini. Beberapa usaha serantau telah dimulakan. Kumpulan Kerja bagi Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Working Group on Payment and Settlement Systems (WGPSS) – Pasukan Petugas bersama Kumpulan Kerja bagi Pasaran kewangan (Working Group on Financial Markets, WGFM) Mesyuarat Eksekutif Bank-Bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of the East Asia and Pacific Central Banks EMEAP) telah memulakan inisiatif pengaturan bercagar merentas rantau untuk menyokong dan meningkatkan pengurusan mudah tunai institusi kewangan rantau ini yang aktif di peringkat antarabangsa. Kedua, Inisiatif AseanPay pada tahun 2004 telah mendorong hubungan rangkaian ATM merentas rantau, yang membolehkan pengeluaran wang tunai yang lebih mudah untuk menyokong aktiviti pelancongan Asia yang makin meningkat. Dengan penyertaan yang meluas oleh institusi perbankan dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura, infrastruktur tersebut boleh digunakan bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan kos pembayaran dan penghantaran semula wang melalui kad elektronik intrarantau. Sistem Penyelesaian Kasar Masa Nyata (Real Time Gross Settlement, RTGS) Bank Negara Malaysia (RENTAS) dan Hong Kong Monetary Authority telah dihubungkan untuk mempermudah cara pembayaran yang lebih cepat dan efisien. Perhubungan yang seterusnya juga boleh dilakukan antara masyarakat Asia yang lebih meluas dengan menghubungkan lebih banyak sistem RTGS, sekali gus mempermudah cara pembayaran yang lebih cepat dan efisien.

Keempat, meskipun integrasi kewangan yang lebih meluas memberikan banyak manfaat, risiko yang berkaitan dengannya perlu dijangka dan dikawal. Dalam hal ini, kerjasama antara pengawal selia kewangan dengan bank pusat serantau perlu diperkukuh. Mekanisme kerjasama dan kolaborasi yang menyeluruh telah pun dilaksanakan. Lebih khusus lagi, telah ada peningkatan dalam pengawasan serantau yang memudahkan pengesanan awal kemunculan risiko dan potensi penularan di peringkat rantau. Selain itu, pengaturan keinstitusian dan rangka kerja untuk membendung, mengurus dan menyelesaikan krisis kewangan kini sedang diwujudkan. Ini telah diperkukuh dengan pembangunan infrastruktur dalam bidang pasaran kewangan, sistem pembayaran, dan rangka kerja pengawalseliaan. Dengan kemajuan besar yang sudah tercapai, cabaran utama Asia adalah untuk memperkukuh momentum yang positif ini dengan memperhebat kerjasama dan kolaborasi. Untuk beberapa tahun yang akan datang, tumpuan akan diberikan pada pelaksanaan syor-syor yang selanjutnya yang terkandung dalam rangka tindakan yang dihasilkan pada tahun 2006, yang telah menggariskan hala tuju strategik kerjasama serantau. Ini merangkumi pembangunan pasaran pertukaran asing yang teguh dan cekap, pasaran bon sekunder yang lebih mendalam dan cair, pengukuhan berterusan pengaturan sokongan bersama dan mekanisme sokongan mudah tunai untuk menghadapi krisis, serta peningkatan kapasiti dan keupayaan dalam pengurusan rizab dan pembinaan kapasiti secara keseluruhan. Pengaturan keinstitusian yang kini diwujudkan untuk menangani tekanan dan krisis kewangan perlu dilengkapkan dengan pengaturan dan rangka kerja kolaboratif untuk mengatasi krisis ekonomi *di dalam* dan *di luar* rantau ini. Kekukuhan dan kepentingan kesalinghubungan ekonomi dan perdagangan di Asia yang kian meningkat akan menjadi asas untuk memelihara kestabilan ekonomi makro, kewangan dan sosial di rantau ini.

Integrasi kewangan yang lebih kukuh di Asia juga akan mempermudah usaha untuk memajukan kedudukan strategik rantau ini dalam landskap kewangan global. Selain itu, Asia kini mempunyai suara dalam menentukan hala tuju reformasi kewangan antarabangsa dan menetapkan piawaian antarabangsa. Ini merupakan perkembangan positif dan membuka peluang untuk kepentingan negara-negara yang sedang pesat membangun, khususnya di Asia, mencapai lebih banyak penyelesaian yang seimbang dan komprehensif yang akan memperkukuh kestabilan kewangan global. Keanggotaan Asia yang bertambah dalam institusi kewangan antarabangsa akan membuka peluang bagi proses yang lebih inklusif dalam menetapkan piawaian antarabangsa dan membuat keputusan. Bagi menyokong proses ini, peranan platform kolaborasi Asia yang sedia ada telah diperkukuh bagi memantapkan kedudukan Asia untuk memberi tindak balas terhadap isu-isu global yang mencerminkan keprihatinan dan perspektif Asia.

KESIMPULAN

Dalam tempoh masa yang singkat, iaitu hanya lima puluh tahun, Asia, yang begitu luas kepelbagaiannya dengan penduduk, etnik, struktur sosial dan rejim politik, telah mencapai kemajuan yang luar biasa di seluruh rantau. Walaupun menghadapi cabaran yang besar dan berbeza daripada proses urbanisasi dan ketidakseimbangan pendapatan yang makin meningkat hinggalah kepada krisis ekonomi dan ketidakstabilan sosial, Asia telah berkali-kali bangkit semula dan terus mencapai kemajuan ekonomi. 'Keajaiban Asia' ini tidak dicapai secara kebetulan, tetapi dengan dasar-dasar yang pragmatis, memastikan asas-asas ekonomi yang kukuh dan institusi-institusi yang teguh.

Hari ini, anjakan global yang tercetus oleh krisis ekonomi dan kewangan global yang buruk telah mengakibatkan semakin meningkatnya pembentukan dunia yang pelbagai polarnya. Dalam fasa baharu globalisasi ini, pemusatan kuasa ekonomi dalam ekonomi global akan menjadi lebih luas. Asia akan menjadi sebahagian dari masa hadapan yang bakal muncul ini. Dengan pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka terus perlahan dan dengan ekonomi sedang pesat membangun memainkan peranan yang lebih penting sebagai pusat pertumbuhan dalam ekonomi global, Asia perlu mengkaji semula dan sewajarnya mengubah pembangunan yang sedia dalam persekitaran yang baharu ini. Yang ketara, pengukuhan ekonomi dalam negeri di Asia telah disokong oleh institusi-institusi yang bersesuaian, pasaran kewangan yang terus maju dan integrasi kewangan serantau yang lebih meluas, yang diperkuat oleh kerjasama serantau secara keseluruhan. Dengan trend ini kian ketara, ia tidak sahaja akan menyumbang dalam menyerlahkan potensi Asia sepenuhnya, tetapi juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global yang lebih seimbang.

RUJUKAN

Asian Development Bank (ADB), 2008, "Emerging Asian Regionalism: A Partnership for Shared Prosperity"

Asian Institute of International Financial Law, 2009, "Assessing Asian Financial Cooperation and Integration", Working Paper No. 5, March

Aziz, Zeti A., 2007, "Asia is Moving Forward: Ten Years after the Crisis", Prepared for the ADB International Symposium in Manila

Aziz, Zeti A., 2009, "Lessons Learned from the Asian Crisis and the Resilience of Asia's Financial System during Current Crisis", Speech delivered at the Wrap-up Conference of the BIS Asian Research Programme on the "International Financial Crisis and Policy Challenges in Asia and the Pacific" in Shanghai, China

Baele, L, A Ferrando, P Hordahl, E Krylova and C Monnet, 2004, "Measuring Financial Integration in the Euro Area", ECB Occasional Papers, No. 14, April

Centre for Economic Policy Research (CEPR), 1999, "Financial Integration and Asset Returns", Discussion Paper No. 2282, November

CLSA, 2002, "The Real Pacific Century - Asia's Billion Boomers", September

Downer, Alexander, 2003, "Population Change in Asia and the Pacific: Implications for Development Policy", Speech delivered at International Monetary Fund (IMF), 2002, "Chapter 3: Trade and Financial Integration", World Economic Outlook: Trade and Finance, September

Kwan, C. H., 2002, "The Rise of China and Asia's Flying-Geese Pattern of Economic Development: An Empirical Analysis Based on US Import Statistics", REITI Discussion Series 02-E-009

Maddison, Angus, 2001, "The World Economy: A Millennial Perspective", Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)

Ohno, Kenichi, 2002, "The East Asian Experience of Economic Development and Cooperation", Prepared for the World Bank Summit on Sustainable Development

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), 2008, "Shaping Policy Reform and Peer Review in Southeast Asia: Integrating Economies Amid Diversity"

Pangestu, Mari, 2006, "Visions of East Asia: Three Engines for a Way Forward", Chapter 13 in the World Bank publication "East Asian Visions: Perspectives on Economic Development"

Rodrik, Dani, 1994, "Getting Interventions Right: How South Korea and Taiwan Grew Rich", NBER Working Paper No. 4964, November

Rodrik, Dani, 2006, "What's So Special about China's Exports?", China & The World Economy, Vol. 14, No. 5, September-October

Rodrik, Dani, 2009, "Growth after the Crisis", Prepared for the Commission on Growth and Development

World Bank, 2006, "Dancing with Giants. China, India and the Global Economy", By Eds, L., Alan Winters and Shahid Yusuf

Persidangan Industri Kewangan 2009
Kuala Lumpur, 17 November 2009

Ucaptama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kehadiran anda semua ke persidangan industri kewangan kami tahun ini. Persidangan ini berlangsung ketika landskap kewangan global sedang mengalami perubahan penting. Malah sambil kita berbincang dan bertukar-tukar fikiran ini, pelbagai peristiwa terus berlaku yang berpotensi mengubah dengan ketara cara institusi kewangan menjalankan urusan perniagaan. Reformasi secara meluas untuk memperteguh asas kestabilan kewangan sedang dilaksanakan bagi mempertingkatkan penyeliaan dan pengawalan institusi kewangan. Ini termasuk pengaturan keinstitusian bagi penyelarasan dan kerjasama dalam bidang pengawasan dan pengurusan krisis di dalam dan di luar negara. Persidangan anjuran Bank Negara Malaysia ini bertujuan untuk menjadi platform bagi dialog yang membina dengan industri berhubung dengan perkembangan yang telah menjejaskan industri kewangan antarabangsa dan dalam negeri, dengan tumpuan khusus kepada implikasinya terhadap institusi kewangan di Malaysia.

Perkembangan dan prospek ekonomi

Selepas permulaan yang mencabar tahun ini, ekonomi Malaysia kini beransur-ansur pulih hasil sokongan asas-asas makroekonomi yang kukuh dan sektor kewangan yang teguh. Aktiviti ekonomi terus menunjukkan peningkatan menggalakkan pada suku ketiga, dan pertumbuhan positif diunjurkan bagi suku keempat. Perkembangan ini disokong oleh pemulihan permintaan dalam negeri, terutamanya penggunaan, ekoran keadaan guna tenaga yang lebih baik, pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang lebih cepat, persekitaran monetari yang akomodatif dan akses yang berterusan kepada pembiayaan. Pada tahun 2010, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan, berikutan dorongan oleh aktiviti ekonomi dalam negeri selain diperkukuh oleh pertumbuhan ekonomi rakan perdagangan utama kita yang lebih baik.

Peranan sektor domestik dalam mendorong pertumbuhan bukanlah sesuatu yang baharu. Malah, permintaan dalam negeri telah menjadi sumber utama bagi pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya sejak tahun 2003 lagi, lantas memperlengkap sektor luar kita yang besar. Trend ini memperlihatkan bahawa ekonomi kita sedang melalui evolusi ke arah model pertumbuhan yang seimbang, dengan memanfaatkan hubungan ekonomi kita dengan ekonomi global sambil pada masa yang sama memperkukuh sumber pertumbuhan dalam negara.

Walaupun pertumbuhan penggunaan dalam negeri menggalakkan, langkah seterusnya untuk mengimbangkan semula sumber pertumbuhan adalah dengan meningkatkan sumbangan sektor pelaburan. Tahap pelaburan swasta yang lebih tinggi akan meningkatkan lagi keupayaan produktif kita dan menambah potensi bagi pertumbuhan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, banyak bidang pertumbuhan baharu dijangka mendapat manfaat daripada pelaburan yang lebih tinggi. Ini termasuk sektor perkhidmatan dan pembangunan infrastruktur yang diperlukan oleh ekonomi moden seperti teknologi jalur lebar dan hijau.

Mengatasi cabaran ekonomi

Meskipun prospek ekonomi semakin cerah, laluan pemulihan masih lagi penuh dengan cabaran. Pertamanya, prospek pemulihan ekonomi yang lebih baik di Asia dan jangkaan bahawa rantau ini akan pulih terlebih dahulu

daripada kemelesetan global boleh menarik aliran masuk modal yang banyak ke rantau ini. Aliran masuk modal ini bukan sahaja boleh menyebabkan kadar pertukaran mudah turun naik, malah boleh mengakibatkan kenaikan harga aset. Kenaikan harga komoditi juga berpotensi menaikkan kadar inflasi dan menjejaskan proses pemulihan ekonomi. Namun, kebanyakan ekonomi di Asia, termasuk pihak penggubal dasar, industri kewangan dan sektor swasta berupaya mengatasi kesemua cabaran ini. Kedudukan kewangan yang lebih kukuh, paras hutang yang rendah dan penampan yang diwujudkan semasa keadaan ekonomi menggalakkan telah meningkatkan potensi untuk menguruskan persekitaran yang lebih mencabar ini. Peranan sektor kewangan terutamanya adalah penting dalam memastikan pembiayaan kepada aktiviti ekonomi yang produktif tidak terganggu, sambil pada masa yang sama mengamalkan kehematan dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan.

Dalam jangka sederhana, prospek ekonomi global terus dibelenggu ketidakpastian yang nyata. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi global dijangka terus lemah dalam jangka sederhana, dengan kelemahan struktur ekonomi maju melembapkan pertumbuhan keseluruhan ekonomi-ekonomi tersebut. Berikutan integrasi yang mendalam dengan ekonomi global, kelemahan berterusan dalam ekonomi maju mungkin memberi cabaran kepada keseluruhan pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun dalam jangka sederhana. Oleh itu, penting bagi sektor luar Malaysia untuk berubah kepada struktur yang lebih pelbagai bagi meningkatkan daya tahannya dan mengurangkan pergantungan kepada pasaran tradisional untuk pertumbuhan. Tanda-tanda memberangsangkan bahawa perubahan ini sudah pun berlaku kini semakin jelas. Sejak tahun 2000, bahagian eksport kita kepada ekonomi sedang pesat membangun telah meningkat daripada 53% kepada 66% pada tahun 2008. Ini menggambarkan trend penting ke arah integrasi ekonomi dengan ekonomi global yang lebih berasaskan kepelbagaian melalui peningkatan perdagangan dan pelaburan.

Melangkah ke tahun 2010 dan bagi mencerahkan prospek pertumbuhan dalam persekitaran yang kian mencabar ini, produktiviti perlu ditingkatkan, melalui penggunaan jumlah pelaburan yang sama untuk menjana keluaran yang lebih tinggi. Tumpuan juga perlu diberikan kepada pelaburan berimpak tinggi yang akan menjana kesan penggandaan yang lebih besar bagi ekonomi. Langkah menarik pelaburan langsung asing melalui liberalisasi dan perkongsian strategik juga boleh menyumbang kepada proses ini. Bagi menaikkan tahap prestasi ekonomi negara, kita bukan sahaja perlu melabur dengan bijak, bahkan perlu mewujudkan persekitaran yang bersesuaian untuk memaksimumkan pulangan pelaburan. Kecekapan pengantaraan kewangan merupakan komponen penting bagi merealisasikan strategi ini.

Reformasi kawal selia antarabangsa

Kini saya akan menyentuh pula mengenai reformasi kawal selia antarabangsa. Krisis kewangan global ini telah mengheret dunia ke kancah kemelesetan ekonomi yang terburuk dalam sejarah moden. Ini telah menyebabkan semua negara di dunia saling berganding bahu untuk mengemukakan usul yang meluas bagi mengukuhkan asas-asas kestabilan kewangan dan menangani kelemahan yang ada dalam sistem kewangan antarabangsa. Isu pokok yang hangat dibincangkan ialah penentuan keseimbangan antara proses membuat keputusan oleh pihak swasta, sistem pasaran dan campur tangan Kerajaan. Dari satu segi, hujah yang diutarakan menyatakan bahawa tiada pilihan lain selain pasaran untuk mewujudkan sistem kewangan yang berfungsi dengan cekap. Hujah pihak yang lain pula lebih menyokong rejim campur tangan. Penyelesaiannya terletak pada keseimbangan kesemua faktor ini, serta pengelakan daripada tindak balas yang keterlaluan semasa menangani kelemahan dan lebihan yang terkumpul sejak sekian lama.

Juga penting untuk difahami ialah pasaran hanya dapat berfungsi dengan cekap sekiranya infrastruktur keinstitusian dan pasaran dibangunkan dengan baik. Struktur insentif, peraturan urus niaga, ketelusan dan tahap celik kewangan juga perlu diwujudkan. Sekiranya kesemua elemen ini belum dapat dibangunkan

dengan sebaiknya, seperti di ekonomi sedang pesat membangun, risiko kepada kestabilan ekonomi akan meningkat. Walau bagaimanapun, bagi sistem kewangan yang maju, jika struktur dan peraturan keinstitusian sudah tidak memadai dan kurang relevan, sistem tersebut perlu diubah. Pada dasarnya, persekitaran telah menjadi amat dinamik lantas memerlukan perumusan semula kawal selia secara berterusan.

Kini saya akan menerangkan pula tentang pendekatan yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia. Perkembangan global baru-baru ini pada dasarnya tidak akan mengubah tonggak utama pendekatan kami terhadap pengawalseliaan institusi kewangan di negara ini. Kami akan terus menerapkan pendekatan yang menitikberatkan keseimbangan antara pengawalan berasaskan peraturan dan berasaskan prinsip. Pendekatan berasaskan prinsip lebih berkemungkinan menghasilkan pasaran yang lebih cekap, penjajaran risiko yang lebih baik dan tingkah laku sosial yang lebih bertanggungjawab. Selain pendekatan tersebut, pendekatan berasaskan risiko juga akan terus digunakan memandangkan tadbir urus yang lebih mantap dan pengurusan risiko yang lebih ketat dikehendaki bagi institusi kewangan yang lebih besar dan kompleks. Dan sekiranya keperluan ini gagal dipenuhi, Bank akan mengambil langkah-langkah penyeliaan. Bank akan terus bertindak terlebih dahulu untuk menangani risiko pada peringkat institusi dan sistem. Pertimbangan akan dibuat berdasarkan pelbagai rangkaian maklumat yang ada berhubung dengan kemungkinan meningkatnya risiko.

Rangka kerja pengawalseliaan yang diterima pakai akan terus konsisten dan sejajar dengan piawaian antarabangsa bagi memelihara kestabilan sistem kewangan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan melaksanakan perubahan seperti saranan Jawatankuasa Basel untuk memperluas rangkuman risiko Basel II bagi buku perdagangan, pengsekuritian dan pendedahan risiko kredit pihak lain yang berkenaan. Kami juga akan mempertimbangkan secara positif perkembangan yang berlaku dalam Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa untuk mencapai piawaian modal yang konsisten dengan piawaian antarabangsa bagi syarikat insurans. Beberapa perubahan akan diperkenalkan untuk memperbaik rangka kerja mudah tunai dan meningkatkan kualiti modal dengan tumpuan khusus kepada ekuiti sebagai bentuk modal utama. Kami juga menyokong inisiatif global yang bertujuan untuk mengurangkan kompleksiti produk, menambah ketelusan dan memperbaik struktur insentif.

Pertimbangan antarabangsa kini banyak menekankan dimensi kehematan makro pengawalseliaan, dan ini akan menimbulkan implikasi ketara terhadap persekitaran pengawalseliaan domestik. Pengajaran utama yang dapat diambil daripada krisis yang berlaku ialah penyeliaan yang tertumpu pada institusi individu adalah tidak mencukupi. Malah sebelum meningkatnya ketidakseimbangan kewangan dan meletusnya krisis, penentuan harga risiko yang tidak setimpal dan hutang yang bertambah dalam sistem kewangan telah dikenal pasti sebagai sumber potensi ketidakstabilan. Amaran yang dikeluarkan oleh bank pusat dan institusi antarabangsa sebahagian besarnya tidak diendahkan dan gagal menggerakkan tindak balas yang sesuai sama ada oleh peserta pasaran mahu pun oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab menyelia institusi kewangan individu atau segmen pasaran tertentu.

Kesemua ini telah menyebabkan timbulnya saranan untuk mengawal lebihan pasaran melalui langkah kitaran berbalas atau kehematan makro seperti menambah penampan modal sewaktu keadaan ekonomi menggalakkan, dan ia kemudiannya boleh digunakan dalam keadaan tertekan. Selain itu, pelaksanaan nisbah hutang untuk memperlengkap keperluan modal berasaskan risiko dan piawaian peruntukan purata sepanjang kitaran ('through-the-cycle') juga dicadangkan. Saranan juga dibuat agar institusi yang penting dari segi sistemik dikehendaki mematuhi piawaian pengawalseliaan yang lebih ketat setara dengan risiko yang boleh ditimbulkan oleh institusi sedemikian dalam sistem, dan bukan sekadar mengambil kira profil risiko keinstitusian mereka. Reaksi antarabangsa terhadap langkah ini adalah bercampur-campur, terutamanya kerana langkah ini amat sukar ditentukur dalam cara yang tidak akan terlalu

menyekat potensi keluaran semasa keadaan ekonomi menggalakkan sambil mengelakkan peningkatan ketara dalam tuntutan tambahan modal serta krisis keyakinan semasa keadaan adalah sukar. Kami akan menilai dengan teliti butiran terperinci langkah ini apabila ia dikeluarkan dan akan mengambil kira rejim pengawalseliaan di Malaysia.

Bank Negara Malaysia setakat ini telah pun melaksanakan rangka kerja penyeliaan terhadap institusi individu berserta penilaian kehematan makro. Risiko yang dikenal pasti pada peringkat makro memberikan input penting kepada penilaian penyeliaan institusi individu, manakala kelakuan kolektif institusi individu pula memberi maklumat mengenai risiko yang semakin bertambah dalam sistem. Institusi kewangan pastinya telah mengetahui mengenai perkara ini melalui Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia dan parameter ujian tekanan.

Keupayaan Bank untuk melaksanakan pengawasan dan mengambil tindakan lebih awal untuk mengelakkan risiko kepada kestabilan kewangan akan turut dipertingkatkan apabila Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu dikuatkuasakan pada 25 November 2009. Ini termasuk mandat Bank yang lebih luas untuk melaksanakan pengawasan dan mengambil tindakan segera terhadap institusi kewangan termasuk institusi yang bukan di bawah kawal seliaannya tetapi penting dari segi sistemik. Sambil kami memperhalus pendekatan yang diambil dan meningkatkan kefahaman mengenai kelakuan pasaran, institusi kewangan juga perlu menyepadukan penilaian mereka mengenai risiko keinstitusian dengan perkembangan makroekonomi.

Reformasi antarabangsa turut memberi tumpuan kepada penyampaian hasil yang saksama buat pengguna. Dalam hal ini, Bank akan terus memastikan supaya inovasi kewangan dicipta untuk memenuhi keperluan sebenar pengguna dan perniagaan, dan tidak mendedahkan sistem kepada risiko yang berlebihan. Usaha akan terus digembleng untuk memperkukuh saluran penyelesaian bagi pengguna melalui penubuhan ombudsman kewangan dan peningkatan ketelusan produk, terutamanya dalam bidang penentuan harga, komisen, fi dan caj agar pengguna boleh membuat keputusan yang bijak berdasarkan maklumat yang mencukupi. Jadual bagi pelaksanaan beberapa daripada langkah ini telah diumumkan. Reformasi ini akan diperteguh oleh rangka kerja perlindungan pengguna sedia ada yang lebih kukuh untuk menangani amalan salah jual ('mis-selling') dan memudahkan penguatkuasaan peraturan urusan perniagaan yang lebih berkesan.

Memperkukuh infrastruktur dalam negeri bagi kestabilan kewangan

Reformasi perundangan merupakan komponen penting dalam usaha untuk memperkukuh infrastruktur dalam negeri bagi kestabilan kewangan. Bank kini sedang dalam proses merangka perundangan baharu yang bakal menggabungkan perundangan sedia ada bagi institusi dan pengantara kewangan di Malaysia yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Peruntukan undang-undang perbankan, insurans dan takaful semasa akan dikemaskinikan untuk menyokong pengawalseliaan yang lebih berdasarkan risiko. Langkah ini turut memperkukuh penekanan terhadap keberkesanan pengawasan oleh lembaga pengarah dan membolehkan Bank mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan yang lebih awal. Ini termasuk pengenalan skop rangka kerja penguatkuasaan yang lebih meluas dan fleksibel, dengan mengambil kira penalti sivil dan pentadbiran untuk pelbagai jenis kesalahan yang berbeza. Cadangan perubahan perundangan juga termasuk pengenalan sistem pampasan insurans yang lebih komprehensif bagi melindungi pemegang polisi. Draf perundangan ini dijangka siap pada tahun 2010.

Liberalisasi sektor kewangan secara progresif

Tahun ini genap sembilan tahun pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (Pelan). Susulan pelancaran Pelan ini pada tahun 2001, lebih daripada 90% saranan yang terkandung di dalamnya berjaya dilaksanakan. Secara kolektif, kesemua langkah ini telah menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan yang

lebih cekap, berkesan, stabil dan berdaya tahan seperti yang digariskan dalam Pelan ini. Ini jelas daripada transformasi sistem kewangan yang ketara. Sistem kewangan kini lebih pelbagai dengan pasaran kewangan yang dimajukan dengan baik dan penawaran produk yang meluas, yang lebih kompetitif dengan adanya peserta tempatan serantau, lebih inklusif dengan tahap penembusan perbankan dan insurans yang lebih tinggi, serta penunjuk kedudukan kewangan yang lebih kukuh hasil sokongan amalan, piawaian, tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih kukuh oleh institusi kewangan.

Pembangunan kewangan Islam juga telah mencapai kemajuan yang nyata di dalam dan luar negara melalui peranan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Infrastruktur pembayaran yang ditambah baik turut menyokong peningkatan dalam penggunaan saluran e-pembayaran. Dengan wujudnya pelbagai infrastruktur ini, sistem kewangan juga dinyahkawal selia dan diliberalisasikan secara beransur-ansur. Liberalisasi yang dilaksanakan baru-baru ini telah membuka peluang penyertaan asing yang lebih besar dalam pasaran kewangan domestik. Dengan kehadiran pelabur asing yang bertambah, kesalinghubungan kewangan dan ekonomi antarabangsa Malaysia dijangka boleh dipertingkatkan lagi.

Sedang kami melangkah ke fasa akhir Pelan, kami yakin akan kekukuhan dan ketahanan sektor kewangan domestik untuk berhadapan dengan persaingan yang lebih sengit dan meraih manfaat daripada langkah liberalisasi yang diumumkan baru-baru ini. Kami telah melihat minat yang tinggi terhadap lesen baharu daripada para pelabur dari Asia, Timur Tengah, Eropah dan United Kingdom yang juga akan membawa bersama-sama mereka tawaran nilai yang tinggi dan sudah pasti akan memperluas dan memperdalam sektor kewangan di Malaysia.

Persaingan dalam sektor insurans dijangka lebih sengit ekoran penyahkawalseliaan kadar produk secara progresif. Reformasi yang sedang dijalankan dalam sektor insurans motor akan membawa kepada arus perubahan yang meluas dalam segmen utama industri, dengan implikasi ketara terhadap strategi perniagaan syarikat insurans dan pendekatan dalam pengurusan risiko. Dengan pengenalan skim baharu perlindungan insurans motor asas, penentuan harga bagi insurans motor bukan berkanun akan diliberalisasikan secara beransur-ansur lantas menghapuskan herotan harga dan akan membolehkan kadar diselaraskan mengikut faktor risiko dasar. Ini turut diiringi oleh kajian semula secara holistik amalan insurans motor dan infrastruktur yang menyokongnya bagi membolehkan penajajaminan yang lebih saintifik dan pengurusan tuntutan yang lebih saksama. Kumpulan industri telah dibentuk untuk mengkaji isu-isu ini dan membuat cadangan bagi peralihan yang lancar kepada persekitaran baharu dan lebih kompetitif sambil pada masa yang sama memperbaiki amalan dalam seluruh rantaian nilai sektor insurans motor. Kumpulan industri tersebut telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dan cadangan dijangka dapat dimuktamadkan untuk pelaksanaan pada separuh kedua tahun 2010.

Rangka tindakan baharu bagi sektor kewangan

Di sebalik krisis kewangan dan pemulihan ekonomi antarabangsa, perubahan global sedang berlaku lantas menjadikan dunia kian pelbagai polarnya. Dalam fasa baharu globalisasi ini, tumpuan pengaruh kuasa ekonomi global semakin tersebar. Rantau Asia bakal mewarnai sebahagian besar daripada masa hadapan baharu ini. Dengan rantau Asia bakal menjadi pusat pertumbuhan yang semakin penting dalam ekonomi dunia, tiga trend utama dijangka semakin ketara. Pertama, peningkatan permintaan dalam negeri yang disokong oleh pertambahan pesat penduduk berpendapatan sederhana dan golongan muda di rantau ini, akan memainkan peranan lebih besar dalam memacu pertumbuhan ekonomi di Asia. Ini akan meyumbang kepada pertumbuhan dalam dan luar negara yang lebih seimbang. Kedua, pasaran luar akan menjadi lebih pelbagai dalam masa yang singkat lantas memperkuat kesalinghubungan ekonomi dengan ekonomi sedang pesat membangun lain di dunia. Sebahagian daripada trend ini ialah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang 2015 dalam mana ASEAN akan

berubah menjadi sebuah pasaran tunggal dengan aliran barangan dan perkhidmatan secara bebas. Ini termasuk pemansuhan sekatan aliran modal di rantau ini. Ketiga, integrasi kewangan yang lebih meluas dalam rantau Asia akan menyebabkan lebih banyak simpanan di Asia dilaburkan semula di rantau ini.

Corak perbelanjaan baharu yang seiring dengan peningkatan pendapatan di rantau ini akan memacu pemodenan sektor runcit di seluruh rantau ini. Perkhidmatan kewangan kepada sektor isi rumah akan menjadi lebih penting dalam persekitaran baharu ini. Reformasi terhadap sistem pencen dan faedah persaraan merupakan faktor utama dalam menyediakan jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif, lantas mengurangkan keperluan untuk menambah simpanan untuk masa susah, tetapi sebaliknya menggalakkan penggunaan. Di samping itu, sektor perdagangan Asia yang besar dan keperluan terhadap pelaburan modal yang banyak untuk beralih kepada aktiviti nilai ditambah lebih tinggi juga akan menyediakan pasaran yang lebih luas bagi perkhidmatan kewangan. Sistem kewangan serantau yang lebih bersepadu akan menyediakan lebih banyak pilihan pembiayaan dan pelaburan bagi syarikat dan pelabur dalam pasaran kewangan serantau. Kesemua trend ini turut disokong oleh hubungan dalam sistem pembayaran yang telah dipertingkatkan untuk memudahkan pengantaraan dana di rantau ini.

Transformasi ekonomi di Malaysia bakal mendorong kita ke tahap pembangunan seterusnya. Selama hampir tiga dekad Malaysia menjadi negara berpendapatan sederhana hasil daripada manfaat pengindustrian yang pesat serta integrasi dengan ekonomi global. Apabila kita ke tahap pembangunan ekonomi seterusnya, ekonomi domestik akan berubah kepada struktur produktif yang lebih berpacu inovasi dan berintensif pengetahuan, dengan sektor perkhidmatan memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi. Dalam dekad selanjutnya, sektor perkhidmatan dijangka mencakupi dua pertiga daripada ekonomi, dengan pertumbuhan tertumpu pada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Bagi menyokong dan memacu transformasi ini, rangka tindakan baharu bagi sektor perkhidmatan kewangan sedang digubal oleh Bank Negara Malaysia. Rangka tindakan ini akan menentukan hala tuju fasa seterusnya dalam evolusi sektor kewangan bagi menjadikan sektor ini termasuk kewangan Islam, bukan sahaja sebagai pemangkin proses transformasi bahkan supaya ia cukup fleksibel untuk memberikan respons kepada trend utama yang sedang muncul. Pada dasarnya, kita perlukan sistem kewangan yang memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat dalam persekitaran baharu ini.

Sambil industri perkhidmatan kewangan global mengorak langkah untuk mendapatkan kembali kepercayaan dan keyakinan, titik permulaan di Asia adalah untuk terus memperkuat asas ekonominya yang kukuh yang terbina dalam dekad selepas tercetusnya krisis kewangan Asia. Hasilnya, rantau Asia kini meraih manfaat daripada reformasi kewangan, pembangunan keinstitusian dan pengukuhan infrastruktur kewangannya. Meskipun pasaran kewangan semakin mudah naik turun, pengantaraan kewangan bagaimanapun tidak terganggu.

Meskipun kita bermula daripada kedudukan yang teguh, masih banyak lagi yang perlu dipelajari daripada krisis semasa. Pengajaran daripada krisis ini tidak seharusnya disia-siakan. Krisis ini membuka peluang buat Malaysia dan pasaran sedang pesat membangun lain untuk menentukan laluan pembangunan sektor kewangan yang akan datang agar laluan tersebut lebih teguh dan mapan, yang seterusnya boleh mengelakkan daripada terjerat oleh kelakuan tamak dan semberono yang banyak menghalang kemajuan sektor kewangan di negara maju. Rugilah sekiranya kita tidak mengambil pengajaran ini dan menggunakan peluang yang ada untuk maju ke hadapan dengan asas yang lebih kukuh yang sedia terbina.

Di sebalik perkembangan ini dan dalam kita melangkah ke hadapan, trend ke arah liberalisasi akan terus berlaku seiring dengan integrasi kewangan di rantau ini yang semakin meningkat. Ini juga bermakna bahawa penyertaan asing akan bertambah dari segi bilangan institusi baharu, hubungan strategik dan penyertaan lebih aktif dalam pasaran kewangan kita. Usaha untuk memajukan

pasaran pertukaran asing kita juga akan terus diperhebat. Hubungan kewangan kita perlu melangkaui rantau ini untuk memudahkan hubungan ekonomi dengan ekonomi sedang pesat membangun lain.

Dari segi domestik pula, perkhidmatan kewangan kepada PKS perlu berubah daripada perniagaan berasaskan urus niaga dan pinjaman, kepada perniagaan yang berasaskan perkhidmatan sepenuhnya dan perhubungan pelanggan. Sektor isi rumah yang sememangnya merupakan segmen utama yang banyak menerima perkhidmatan daripada industri kewangan, akan melalui transformasi selanjutnya sejajar dengan evolusi berterusan dalam pengedaran melalui pelbagai saluran, dengan saluran dalam talian makin mendapat tempat dan pelanggan pula kian menghendaki ketelusan produk dan tahap perkhidmatan keseluruhan yang lebih tinggi. Kami menjangkakan orientasi semula proses dan insentif yang lebih menitikberatkan nilai berbanding jumlah akan berlaku. Selain itu, pembezaan seterusnya dalam pengurusan perhubungan pelanggan dan tumpuan lebih besar terhadap transformasi yang berpacu teknologi agar lebih sejajar dengan strategi perniagaan juga akan menjadi lebih ketara. Antara hasil daripada kesemua strategi ini ialah peralihan pantas dalam penawaran produk yang mempunyai penyelesaian kewangan secara hujung-ke-hujung yang lebih komprehensif serta perubahan seterusnya dalam peranan tradisional cawangan dan pengantara fizikal. Ini ditambah pula oleh peningkatan penggunaan saluran langsung dan hubungan strategik yang lebih berkesan bagi memperluas jangkauan produk dan perkhidmatan kewangan. Dalam bidang e-pembayaran, ekosistem mudah alih dijangka diwujudkan untuk menyediakan platform terbuka dan saling boleh kendali bagi semua institusi kewangan, pengendali rangkaian mudah alih dan penyedia perkhidmatan untuk menawarkan perkhidmatan pembayaran mudah alih yang benar-benar automatik dan berkesan kos.

Dalam kita melangkah ke hadapan dalam sistem kewangan baharu ini, peranan lembaga pengarah institusi kewangan menjadi amat penting dalam menentukan tahap kesanggupan institusi untuk mengambil risiko, dalam memastikan strategi yang digunakan adalah konsisten dengan kesanggupan tersebut, dan dalam mengawasi sistem pengurusan risiko. Kelemahan dalam cara lembaga pengarah memainkan peranan mereka dalam beberapa institusi kewangan antarabangsa merupakan penyumbang utama kepada krisis kewangan global. Lembaga pengarah perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai tadbir urus risiko yang berkesan, meningkatkan keupayaan mereka untuk berbuat demikian dan memastikan proses, sistem dan struktur yang sewajarnya terus diperkukuh bagi membolehkan pemantauan dan pengawalan risiko yang berkesan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kita harus bersedia untuk menghadapi masa hadapan yang boleh memberikan banyak kemakmuran. Potensi kita untuk berbuat demikian sememangnya tidak terbatas. Pihak berkuasa mempunyai azam yang kuat untuk menyediakan persekitaran yang diperlukan supaya wawasan ini dapat menjadi kenyataan. Institusi kewangan perlu membuat keputusan berhubung dengan strategi dan model perniagaan masing-masing supaya bukan sahaja prestasi boleh dipertingkatkan bahkan mereka juga boleh bertahan dalam persekitaran yang semakin mencabar. Keperluan masa kini adalah terhadap perkhidmatan bertaraf dunia dan nilai ditambah sebenar kepada ekonomi. Peranan bank pusat sebagai pihak berkuasa penyeliaan adalah untuk menganjak sempadan infrastruktur kewangan bersama-sama dengan kesalinghubungan antarabangsanya, serta menyedari sepenuhnya tanggungjawabnya untuk memastikan kestabilan kewangan secara keseluruhannya terus terpelihara.

Saya berharap agar perbincangan yang produktif berhubung isu-isu utama yang dihadapi oleh sektor kewangan dapat diadakan dalam persidangan dua hari ini.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2009

5 Oktober 2009

Dalam ucaptama Gabenor di Seminar Kewangan Islam di Istanbul, beliau menyatakan bahawa prinsip asas Syariah menyediakan strategi yang berdaya tahan untuk pengurusan risiko. Strategi ini berupaya melindungi kewangan Islam daripada kesan krisis kewangan yang paling buruk. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat dua elemen khusus yang membolehkan kewangan Islam menghadapi krisis tersebut. Elemen pertama ialah keperluan supaya semua urus niaga kewangan berlandaskan aktiviti ekonomi produktif yang seterusnya akan menjana pendapatan yang halal, lantas mewujudkan kaitan rapat antara urus niaga dengan aliran produktif. Elemen kedua ialah hubungan antara keuntungan dengan perkongsian risiko yang mendorong institusi kewangan untuk melaksanakan usaha yang wajar apabila menjalankan perniagaan.

18 – 20 Oktober 2009

Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Eropah dan Asian Development Bank secara bersama menganjurkan persidangan Asia-Europe Meeting (ASEM) di Kuala Lumpur. Tema persidangan ini ialah “Selepas Krisis Global: Model Pertumbuhan Asia yang Baharu?”. Para pegawai kementerian kewangan dan ekonomi serta bank pusat dari 43 negara ASEM, serta ahli akademik, tokoh perniagaan dan wakil media tempatan dan antarabangsa menyertai persidangan ini. Persidangan ini memberi peluang kepada para peserta untuk membincangkan isu ekonomi dan kewangan yang penting yang telah menjejaskan rantau Asia dan Kesatuan Eropah, serta menilai strategi pertumbuhan Asia dalam landskap ekonomi dan kewangan global yang berubah-ubah.

28 Oktober 2009

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.00 peratus. MPC menyatakan bahawa keadaan ekonomi dalam negeri bertambah baik dan pemulihan aktiviti ekonomi juga makin menggalakkan. Pengukuhan ini dicerminkan oleh keadaan pasaran pekerja, sentimen pengguna dan perniagaan, pengeluaran perindustrian, aktiviti pembiayaan dan perdagangan luar negeri yang lebih menggalakkan. Perkembangan positif ini dijangka berterusan hingga tahun 2010, dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka terus disokong oleh langkah dasar semasa dan keyakinan sektor swasta yang makin meningkat. Pada mesyuarat berikutnya, iaitu pada 24 November, MPC telah mengekalkan OPR pada kadar yang sama. MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari semasa adalah wajar dan akan terus menyokong aktiviti ekonomi negara.

11 November 2009

Bank Negara Malaysia dan China Banking Regulatory Commission menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua pihak berkuasa pengawalseliaan mengenai penyeliaan perbankan. Kerjasama yang dijalin akan meliputi perkongsian maklumat dan usaha menggalakkan integrasi kewangan serantau. MoU ini merupakan susulan Pelan Tindakan Bersama Mengenai Kerjasama Strategik Malaysia - China antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China yang ditandatangani pada 3 Jun 2009. MoU ini mengukuhkan lagi hubungan kerjasama selain menandakan peristiwa penting dalam mempererat kerjasama pengawalseliaan serta hubungan ekonomi dan kewangan antara kedua-dua buah negara.

17 – 18 November 2009

Bank Negara Malaysia menganjurkan Persidangan Industri Kewangan 2009 bagi pemimpin-pemimpin industri perbankan, insurans dan takaful. Persidangan ini menyediakan platform bagi dialog peringkat tertinggi dengan industri mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan sedunia, termasuk reformasi pengawalseliaan antarabangsa dan implikasinya terhadap industri domestik. Perbincangan industri tertumpu pada keperluan memperkukuh keupayaan pengurusan risiko dalam persekitaran sistem kewangan yang semakin kompleks dan berhubung kait, keperluan untuk menyelaraskan struktur insentif dengan lebih baik, penekanan yang lebih besar terhadap ketelusan produk, serta keperluan untuk tindak balas yang seimbang terhadap risiko yang dihadapi oleh sistem kewangan.

19 November 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan Puan Norzila Abdul Aziz sebagai Penolong Gabenor berkuat kuasa 1 November 2009. Portfolio beliau termasuk Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan dan Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing.

20 November 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.2% pada suku ketiga tahun 2009 (S2 09: -3.9%), berikutan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang positif dan permintaan luar negeri yang stabil. Prestasi yang lebih baik ini didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri disebabkan oleh penggunaan swasta yang lebih kukuh dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Ekonomi global yang bertambah baik, terutamanya ekonomi serantau, membantu menstabilkan sektor luaran. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali pertanian, mencatat prestasi yang lebih baik. Melangkah ke hadapan, momentum pemulihan ekonomi dijangka bertambah pesat ekoran sentimen perniagaan dan pengguna yang bertambah baik di tengah-tengah pelaksanaan langkah fiskal yang berterusan, dasar monetari yang akomodatif dan akses yang berterusan kepada pembiayaan. Pemulihan ekonomi global secara beransur-ansur akan terus merangsang pemulihan ekonomi dalam negeri.

Pada hari yang sama, Menteri Kewangan meluluskan pengeluaran sebuah lesen bank perdagangan kepada Industrial and Commercial Bank of China Limited (ICBC), bank perdagangan terbesar di Republik Rakyat China. Pemberian lesen ini ialah hasil pengaturan dua hala antara China Banking Regulatory Commission dengan Bank Negara Malaysia, dan juga antara Kerajaan Malaysia dengan Republik Rakyat China awal tahun ini.

25 November 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) telah mula berkuat kuasa. Berikutan itu, Akta Bank Negara Malaysia 1958 dimansuhkan. Akta ini memberikan mandat yang lebih jelas kepada Bank di samping kuasa dan instrumen yang perlu untuk melaksanakan mandat menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan. Akta ini juga menyediakan rangka kerja tadbir urus yang lebih mantap, dengan peruntukan tahap kebertanggungjawaban dan ketelusan yang tinggi dalam operasi Bank Pusat. Akta ini menginstitusikan amalan baik yang diterima pakai pada dekad ini selain mengambil kira keperluan untuk mempertingkatkan mandat pengawalseliaan yang diperlukan akibat krisis kewangan global baru-baru ini.

2 – 3 Disember 2009

Bank Negara Malaysia, bersama-sama dengan Consultative Group to Assist the Poor (CGAP), iaitu kumpulan pembiayaan mikro yang berpusat di Bank Dunia, dan Alliance for Financial Inclusion (AFI), menganjurkan Forum Penggubal Dasar Pembiayaan Mikro 2009 (Microfinance Policymakers Forum 2009). Dengan tema "Meluaskan Rangkuman Kewangan Melalui Perbankan Tanpa Cawangan", forum tersebut bertujuan untuk mempromosikan perbankan tanpa cawangan, iaitu penyediaan perkhidmatan kewangan selain melalui cawangan bank yang konvensional dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi serta ejen runcit bukan bank. Perbincangan pada forum ini tertumpu pada pertimbangan penting dan perkembangan terkini struktur keinstitusian, di samping keperluan pengawalseliaan yang wajar supaya konsep perbankan tanpa cawangan dapat diterima dan direalisasikan dengan berkesan.

23 Disember 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa berkuat kuasa 1 Januari 2010, pengembara yang memasuki atau meninggalkan Malaysia dengan membawa wang tunai dan/atau instrumen pembawa boleh niaga (contohnya cek kembara, cek pembawa) melebihi nilai bersamaan dengan USD10,000 dikehendaki membuat perisytiharan kastam di pintu masuk dan keluar negara ini. Keperluan ini selaras dengan usaha global untuk mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

28 Disember 2009

Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia mengumumkan bahawa perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralization, CMIM) telah ditandatangani oleh negara anggota ASEAN, China, Jepun dan Korea (ASEAN + 3) serta Hong Kong Monetary Authority. Matlamat utama CMIM adalah untuk menangani masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek di rantau ini dan sebagai tambahan kepada pengaturan kewangan antarabangsa yang sedia ada. Negara anggota CMIM yang menghadapi masalah mudah tunai berhak untuk mendapat bantuan kewangan melalui urus niaga swap mata wang yang disediakan oleh CMIM.

31 Disember 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa lebih daripada 9,000 PKS telah mendapat manfaat daripada Skim Bantuan Jaminan PKS sebanyak RM2 bilion yang dilancarkan pada 3 Februari 2009. Skim ini diwujudkan bagi memastikan PKS berdaya maju yang menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi akan terus mendapat akses kepada pembiayaan dan meneruskan operasi perniagaan mereka.